

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 208 ● 14 - 20 APRIL 2023 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV



Kembalikan kegemilangan Melayu dan Islam melalui penghayatan Al-Quran

KEGEMILANGAN kepimpinan Melayu dan Islam di negara ini seperti yang pernah dikecapi pada zaman dahulu hanya dapat dinikmati apabila setiap lapisan masyarakat khususnya pemimpin mendalami, menghadam dan mengamalkan petunjuk daripada Al-Quran, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tegas beliau, kitab suci Al-Quran yang diturunkan pada bulan Ramadan tersebut adalah selari dengan keyakinan bahawa ia merupakan mukjizat yang menjadi petunjuk kepada seluruh manusia sejak zaman-berzaman.

“Melalui Al Quran, kita boleh menentukan dan menilai tentang haq dan bathil, makruf dan mungkar, baik dan buruk. Maknanya ia adalah petunjuk kepada manusia dan ia hanya boleh didapati dengan membaca, memahami dan mengamalkan Al-Quran,” kata beliau ketika berucap dalam Program Nur Ramadan peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Masjid Ar Rahah, Pantai Dalam pada Sabtu.

BERITA LANJUT DI MUKA 3

DBKL anjur sesi libat urus dengan orang awam, pihak berkepentingan

Pewartaan PSKL2040 ditangguh hingga 31 Mei

PEWARTAAN Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL) 2040 yang sebelum ini menjadi polemik ditangguhkan bagi memastikan ia mengikut kerangka Kerajaan Perpaduan yang berlandaskan konsep Malaysia Madani.

Mengumumkan perkara itu, Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** berkata keputusan itu diambil bagi memastikan projek pembangunan di ibu negara itu perlu dipastikan mampu membantu rakyat berpendapatan rendah.

"Ada tauke-tauke besar marah saya, kerana bekukan (perwataan) sebab mahu kelulusan ikut kerangka pemikiran baharu kita.

"Kalau kamu buat projek besar dengan untungnya beratus juta atau berbilion, silakan tetapi mesti ada projek yang kamu lakukan itu membantu kalangan yang berpendapatan rendah," katanya ketika berucap pada Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan di Masjid Ar Rahah pada Sabtu.

Katanya kerajaan tidak mampu untuk berbelanja keseluruhannya

dalam program-program melibatkan pembangunan untuk rakyat yang berpendapatan rendah.

"Kita syaratkan ada projek yang memberi faedah kepada rakyat biasa. Kalau tidak, orang miskin tidak boleh duduk di Kuala Lumpur," katanya.

Perdana Menteri berkata antara perkara yang diilhamkan beliau bagi pembangunan di ibu kota ialah memastikan setiap gerai dan warung kelebihan cantik, bersih dan berseni.

Terdahulu, Anwar dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa PSLK2040 akan ditangguh hingga 31 Mei bagi membolehkan lanjutan sesi libat urus oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Anwar memaklumkan, beliau mengambil perhatian pandangan yang berkehendakkan supaya pewartaan dokumen terabit ditangguh untuk memberi peluang lebih luas kepada pihak berkepentingan lain bagi menyatakan pendapat terhadap pelan pemajuan Kuala Lumpur.

Dalam perkembangan sama, Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL, **Datuk**

Sulaiman Mohamed berkata pihaknya mengadakan sesi libat urus bersama orang awam dan pihak berkepentingan bagi pindaan Draf PSLK2040.

Ujarnya, langkah itu selaras kenyataan Perdana Menteri berkaitan penangguhan proses pewartaan Draf PSLK2040 sehingga 31 Mei ini.

Katanya sesi libat urus bertujuan memaklumkan pindaan yang dibuat terhadap draf berkenaan berdasarkan pandangan awam yang diterima, pengesongan Jawatankuasa Pendengaran Pandangan Awam (JKPPA), penyelarasan dasar semasa kerajaan dan pandangan Ahli Lembaga Penasihat Perancangan Wilayah Persekutuan (LPPWP).

"Tarikh, masa dan tempat bagi sesi libat urus ini akan dimaklumkan kepada orang awam dan pihak berkepentingan dalam masa terdekat," katanya dalam kenyataan, pada Selasa.

Sehubungan itu, orang awam boleh mendapatkan Laporan Akhir Pindaan Draf PSLK2040 di laman sesawang rasmi DBKL melalui laman web di <https://www.dbkl.gov.my> mulai Khamis ini. **WK**



KERATAN Akbar Wilayahku Edisi 207.

NGO Save KL sambut baik penangguhan pewartaan PSLK2040

BADAN bukan kerajaan (NGO) Selamatkan Kuala Lumpur (Save KL) menarik nafas lega apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan pewartaan Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL) 2040 ditangguhkan sehingga 31 Mei ini.

Bercakap kepada **Wilayahku**, Timbalan Pengurusnya, **Datuk Mumtaz Ali** berkata pihaknya akan meneliti semula kesemua dokumen berkaitan bagi membantu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam menyelesaikan beberapa perkara dalam menambah baik PSLK2040 untuk kepentingan warga kota.

"Sebenarnya tempoh yang diberi agak pendek dan seharusnya minima tiga bulan kerana dokumen draf PSLK2040 rumit serta agak banyak untuk diteliti."

"Kami mengenal pasti 56 mu-ka surat selepas melihat draf pelan asal pada Julai 2020 tetapi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) masih belum memberi maklum balas kepada mereka," katanya pada Isnin.

Menjelas lanjut, Mumtaz berkata kumpulannya memerlukan komitmen DBKL untuk memasukkan apa yang dicadangkan dan sekiranya permintaan itu tidak dapat dipenuhi maka mereka perlu memberi mengumukan alasan.

"Dalam soal ini, DBKL mesti melibatkan diri dengan kami. Mereka telah menghubungi kami tahun lalu untuk pendengaran

awam dan kami memberikan maklum balas mengenai kesilapan dan pelencongan daripada pelan itu.

"Adalah penting mereka merangka pelan yang betul. Kami melakukan ini untuk kepentingan bandar raya ini dan ia bukan kepentingan peribadi," katanya.

Beliau berkata semakan semula PSLK2040 yang dibentangkan semasa sesi *town hall* pada 29 Mac lalu dilihat berbeza dengan draf terdahulu sebelum diedarkan untuk rundingan awam pada 2020.

"Tidak jelas sama ada draf semasa yang dibentangkan di dialog awam sudah menangani pelbagai isu yang dibangkitkan oleh SKL dan

pihak berkepentingan lain dalam penyerahan bertulis dan lisan pada Mei dan Julai 2020," katanya.

Tambahnya, pada 20 Mac lalu mereka mengadakan taklimat dengan perundung DBKL yang mengatakan mungkin menaikkan plot ratio bangunan kediaman, rumah mampu milik tidak dibina berhampiran pengangkutan awam dan juga tiada perancangan yang rapi mengenai infrastruktur utiliti.

"Ini adalah kebimbangan kami. Kami mahu mengadakan mesyuarat dengan segera agar DBKL memberikan salinan pelan itu kepada pihak berkepentingan dan pemegang taruh," katanya. **WK**



MUMTAZ ALI (kiri) turut menyampaikan pandangan ketika sesi town hall draf Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL) 2040 yang diadakan baru-baru ini.

Enam keluarga mangsa ribut terima Bantuan Khas YWP

HAZIRAH HALIM

KEJADIAN ribut yang melanda Kampung Medan Wira Utama, Sentul pada petang 8 April lalu menyebabkan enam buah rumah mengalami kerosakan di bahagian atap selain peralatan rumah.

Prihatin akan musibah yang menimpah, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dengan kerjasama Parliment Batu tampil menghulurkan Bantuan Khas YWP sebanyak RM500 kepada enam buah keluarga yang terkesan.

Pengarah Eksekutif YWP, **Abdul Rahman Siraj** berkata bantuan tersebut bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa selain untuk membaik pulih kelengkapan rumah yang telah rosak.

"Musibah yang menimpa amat berat lebih-lebih lagi ia berlaku di bulan Ramadan. Saya tidak berkesempatan lagi untuk melihat keadaan rumah mangsa tetapi saya sempat bertanyakan khabar mereka.

"Walaupun jumlah bantuan agak kecil tetapi saya harap ia dapat meringankan beban mereka. Musibah

seperti ini akan sentiasa diberi keutamaan oleh pihak YWP," katanya sejurus menyerahkan bantuan kepada mangsa di Dewan Orang Ramai Kampung Medan Wira Utama, Jalan Ipoh, Sentul, Kuala Lumpur.

Sementara itu, salah seorang mangsa, **Sammaludin Taib**, 71, meluahkan rasa syukur di atas keprihatinan YWP bersama Parliment Batu.

"Saya tidak menyangka ada bantuan ini. Terima kasih atas perhatian yang diberikan. Bolehlah saya gunakan duit ini untuk menambah kos membaik pulih atap," ujarnya.

Menceritakan detik kejadian, ketika itu dia berada di rumah anaknya di kawasan berhampiran tiba-tiba terdengar jeritan orang ramai memberitahu rumahnya terkesan dengan kejadian ribut.

"Ini kali kedua rumah saya dilanda ribut selepas enam tahun lalu. Bukan hanya atap yang terangkat tetapi air juga masuk ke dalam rumah dan banyak perkakas rumah telah rosak," kongsinya yang sudah mendiami rumah tersebut selama 30 tahun. **WK**



ABDUL RAHMAN (enam kiri) diiringi Ketua UMNO Bahagian Batu, Gulam Muzaffar, Gulam Mustakim (tengah) bersama enam keluarga mangsa ribut sejurus penyerahan bantuan pada Selasa.

Al-Quran dapat membentuk keperibadian unggul pemimpin Melayu, Islam - Anwar

DARI MUKA HADAPAN

MENURUT Perdana Menteri, generasi Al-Quran di bawah pimpinan junjungan besar Nabi Muhammad SAW disebut sebagai *Al Jilid Quraniyun Fareed* yang memberi maksud generasi Al-Quran yang unik dan tersendiri kerana ketika awal penurun kitab suci itu, ia masih belum lengkap namun ia telah dibaca dan diamalkan sekali gus membentuk keperibadian mulia umat Islam ketika itu.

"Ia adalah peringatan kepada kita semua dengan memanfaatkan waktu ini untuk cuba membaca dan menghadamkan kerana jika tidak dilakukan, tiada petunjuk kepada manusia dan boleh menyebab kerrosakan," katanya.

Ujar Anwar, meskipun bangsa Melayu merupakan majoriti orang Islam dan turut hidup bersama-sama dengan kaum minoriti daripada bukan Islam,



ajaran Allah melalui Al-Quran menjamin sekiranya kandungannya difahami, maka umat ini dapat mempertahankan keseimbangan se-

kali gus menepati konsep ummatan wasatan iaitu mempunyai ciri-ciri keistimewaan unggul yang membezakan umat ini dengan yang lain.

"Allah janjikan kepada kita ini umat yang mempertahankan keseimbangan, yang tahu tanggungjawab dunia dan akhirat, iman dan ilmu, akal dan qolbu, rohani dan jasmani, manusia dan persekitaran.

"Dalam kehidupan ini sebab itu tidak boleh langgar segala bukit bukau, hutan digondol dan balak ditebang sesua hati, maka alam ini akan musnah serta tidak ada keseimbangan. Maka apabila kerosakan berlaku, ia akan menimpakan rakyat yang lebih rendah kedudukan mereka," kata beliau.

Justeru itu, Perdana Menteri mengingatkan apabila seseorang pemimpin yang diamanahkan, mereka perlu mendalami dan mengamalkan petunjuk daripada Al-Quran secara menyeluruh supaya menjadi contoh yang baik kepada semua manusia.

"Saya hendak tunjuk ada orang Melayu ini kalau pemimpin bukan sahaja cakap soal hidup Melayu dan berjuang guna Islam tetapi

tidak menjadi contoh baik dalam menjaga negara sebagai satu amanah dan membela nasib rakyat terbanyak.

"Oleh itu jika diamalkan ajaran berpandukan Al-Quran, ada orang tengok ada pemimpin Melayu yang bersih dan tidak korup. Ada orang Melayu yang betul-betul jaga dan prihatin terhadap nasib orang susah dan miskin, dia mesti ada pemimpin atau wakil yang memikirkan nasib rakyat maka barulah kita boleh mempertahankan semangat dan keseimbangan ini," kata beliau.

Hadir sama isteri Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Komunikasi dan Digital yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil; Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL, Datuk Sulaiman Mohamed dan Pengerusi Masjid, Tan Sri Mohammed Nor Md Yusof. **WK**

3,300 asnaf Kuala Lumpur tidak dilupakan

SERAMAI 3,300 golongan asnaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menghadapi kesukaran dalam meneruskan kehidupan di ibu kota tidak dilupakan menjelang perayaan besar umat Islam, Hari Raya Aidilfitri yang bakal disambut tidak lama lagi melalui Program Nur Ramadan tahun ini.

Dalam satu kenyataan, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) memperuntukkan bantuan wang tunai berjumlah RM660,000 kepada golongan tersebut meliputi 11 Parlimen di Kuala Lumpur yang terdiri daripada fakir miskin, *Al-Gharimin, Al-Riqab, Fisabilillah, dan Mualaf*.

"Tujuan utama program ini

ialah untuk menyantuni golongan yang memerlukan di samping menambahkan lagi nilai kasih sayang dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di bulan Ramadan yang mulia ini.

"Ini seterusnya dapat memperkuuh dan memperkayakan interaksi antara pihak kerajaan bersama rakyat seiring dengan matlamat Malaysia Madani seperti yang digagaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Jelas kenyataan itu, sumbangan yang diberikan ini diharapkan dapat memupuk semangat muafakat antara ahli masyarakat Wilayah Persekutuan agar sentiasa prihatin terhadap nasib golongan rentan.

"Program seumpama ini juga adalah selaras dengan aspirasi

Malaysia Madani yang menekankan nilai ihsan dalam mengeratkan ikatan ukhuwah, persaudaraan dan menghargai kehidupan serta masyarakat sekeliling khususnya warga Wilayah Persekutuan," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri menyampaikan sumbangan wang tunai berjumlah RM200 kepada 300 asnaf dan fakir miskin Parlimen Lembah Pantai yang berlangsung di Masjid Ar Rahah.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Komunikasi dan Digital yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil; Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL, Datuk Sulaiman Mohamed dan Pengerusi Masjid, Tan Sri Mohammed Nor Md Yusof. **WK**



RM140,000 diperuntuk buat golongan asnaf Putrajaya

DIANA AMIR

SEJUMLAH RM140,000 diperuntukkan bagi Program Nur Ramadan di Putrajaya bagi tahun ini dalam usaha menyantuni golongan miskin selain menambahkan lagi nilai kasih sayang dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan.

Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), **Datuk Seri Rosida Jaafar** berkata program peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya tersebut adalah anjuran JWP dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj).

"Seramai 700 orang penerima terdiri daripada asnaf, anak yatim, warga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU) di Putrajaya menerima sumbangan wang tunai RM200 seorang daripada peruntukan Baitulmal dan Majlis Agama Wilayah Persekutuan (MAIWP)."

"Pemilihan penerima sumbangan ini dipilih melalui senarai asnaf yang berdaftar dengan MAIWP, sistem eKasih dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kategori asnaf yang dipilih juga ialah fakir, miskin, *Al-Gharimin, Al-Riqab, Fisabilillah* dan *Mualaf*.

"Semoga penyampaian sumbangan Nur Ramadan

ini sedikit sebanyak dapat menyinari kehidupan penerima di samping mengeratkan ukhuwah, perasaan kasih sayang dan persaudaraan dalam kemajmukan Madani yang mengangkat nilai kesederhanaan dan kemanusiaan," ujar beliau.

Kata beliau, pihak PPj juga sentiasa komited dalam membantu para asnaf di Putrajaya dengan menyalurkan pelbagai bantuan dari semasa ke semasa antaranya Bantuan Agro Rahmah Ramadan dan Bantuan Kasih Aidilfitri.

Salah seorang penerima, **Haireen Azlina Abdul Alim**, 43, berkata sumbangan yang diterima akan digunakan untuk membeli keperluan seperti baju raya buat tiga orang anaknya.

"Sebagai ibu tunggal, saya sangat bersyukur dan berterima kasih kepada pihak yang telah membantu. Ia amat bermakna memandangkan saya seorang diri sahaja yang menanggung perbelanjaan anak-anak," ujarnya.

Sementara itu, menurut Juliana Mohd Surur, 42, pula dia tidak menyangka akan terpilih untuk menerima sumbangan Nur Ramadan pada tahun ini dan berterima kasih kepada pihak yang telah membantu. **WK**

Program K2K beri manfaat 50,000 penduduk PPR KL, Selangor

AZLAN ZAMBRY

PROGRAM Kita Untuk Kita (K2K) yang bertujuan memperkasakan komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kuala Lumpur dan Selangor dijangka memberi manfaat kepada 50,000 penduduk yang mendiami perumahan tersebut.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** berkata program tersebut melibatkan kira-kira 12 perumahan yang dikenal pasti berasalah dan dalam keadaan tenat.

"Program pembaikan itu akan dilaksanakan dalam kadar segera disebabkan keadaan rumah tersebut."

"Saya juga bincang dengan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) supaya percepatkan proses dengan tidak ikut tender yang biasa dan (tempoh) panjang, tetapi tender terhad supaya dipercepatkan (untuk peruntukan berkenaan)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada



ANWAR (tengah) memukul gong sebagai simbol pelancaran Program K2K sambil disaksikan **Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amiruddin Shaari** (tiga dari kanan) dan **Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Akmal Nasrullah** (dua dari kanan).

da pemberita selepas melancarkan Program K2K di PPR Kampung Baru Hicom, Shah Alam pada

Sabtu.

Hadir sama Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin

Shari dan Timbalan Menteri KP KT, Akmal Nasrullah Mohd Nasir. Program K2K antaranya ber-

tujuan membina kapasiti dan memperkasa peranan komuniti untuk menggalas tanggungjawab bersama terkait hal pengurusan bangunan dan persekitaran serta pengisian di kawasan perumahan awam.

Ia merupakan sebahagian daripada inisiatif Bajet 2023 akan diterajui oleh Think City, pemimpin masyarakat, pertubuhan berasaskan komuniti, organisasi bukan kerajaan, dan rakan kongsi lain.

Menurut kenyataan akhbar pada Sabtu, K2K menyasarkan untuk meningkatkan sokongan komuniti perumahan awam dan pengurusan bangunan untuk menyelesaikan cabaran sosial, ekonomi dan fizikal melalui empat bidang kritis, iaitu pemerkasaan komuniti, pengurusan bersama komuniti, penjanjana pendapatan yang lebih baik dan pembaharuan dasar.

Program ini akan dimulakan dengan rumah awam di Kuala Lumpur diikuti dengan rumah di Selangor. **WK**

MITI dijenama semula sebagai Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

NAMA Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah dijenamakan semula dan kini dikenali sebagai Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri atau dalam Bahasa Inggeris 'Ministry of Investment, Trade and Industry', mengekalkan akronim yang sama iaitu MITI.

Dalam satu kenyataan, menterian berkennaan berkata penjenamaan semula ini adalah seiring dengan keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di dalam Mesyuarat Kabinet bertarikh 5 April.

"Penjenamaan ini bertepatan dengan fungsi kementerian yang menjadi peneraju dan bertanggungjawab untuk menggalakkan kemasukan pelaburan asing, memperkasakan pelaburan tempatan, memantapkan perdagangan antarabangsa serta memperkasakan pembangunan industri yang lestari dan mampan," katanya.

Katanya keputusan itu juga adalah selaras dengan aspirasi kerajaan untuk merancakkan lagi aktiviti penggalakan pelaburan seperti yang digariskan di bawah Aspirasi Pelaburan Nasional bagi

kesinambungan pembangunan semula ekonomi negara yang digariskan di dalam wadah Kerajaan Madani.

"Dengan penjenamaan ini, MITI terus komited untuk menarik pelaburan baharu berkualiti dan berimpak tinggi, memperluaskan jaringan perdagangan antarabangsa serta memperkuuhkan sektor industri sedia ada sebagai penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi bagi kesejahteraan rakyat dan sektor perniagaan, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana," jelas kementerian. - **BERNAMA**



CERITA KEDAI KOPI

Kenapa provokasi DBKL?

TIDAK wajar. Itu kesimpulan kawan-kawan Kedai Kopi mengenai peristiwa penjaja tanpa lesen mengajak penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berlawan di Bazar Jalan Tuanku Abdul Rahman baru-baru ini.

Para peniaga tersebut tidak berpuas hati dengan tindakan DBKL menyita barang jualan mereka kerana bermula tanpa lesen. Perlukah marah? Bukankah memang tanggungjawab DBKL bertindak terhadap peniaga tidak berlesen kerana perbuatan itu menyalahi peraturan?

Setiap peniaga di ibu kota perlu memperoleh lesen daripada DBKL untuk beroperasi bagi memastikan ia dapat memantau dan mengawal kegiatan penjaja. Dengan itu mudahlah DBKL mengambil tindakan jika ada sebarang masalah berkaitan dengan peniaga terbabit.

Namun dalam pada itu, ramai yang tidak berlesen mengambil kesempatan menumpang di celah-celah peniaga berlesen untuk sama-sama bermula. Lagaknya seperti ada lesen. Jika tidak diperiksa dengan teliti memang tidak tahu.

Bazar Jalan Tuanku Abdul Rahman, dikenali sebagai Jalan TAR, memang menjadi tumpuan peniaga dan orang ramai terutama pada bulan Ramadan. Pelbagai keperluan untuk hari raya boleh didapati di sini, daripada pakaian sehingga keperluan kepada pelbagai kuih-muih.

Seringkali kawan-kawan Kedai Kopi diberitahu, bazar di Jalan TAR memang strategik dan sudah terkenal sejak dahulu. Perniagaan di situ dikatakan memberi pulangan lumayan kepada peniaga, sekalipun yang hanya muncul sekali setahun sempena hari raya.

Kerana itu setiap kali permohonan lesen bazar Ramadan dibuka, cepat sahaja habis. Yang gagal mendapat lesen atau yang sengaja tidak memohon lesen inilah yang selalu menyelit mengganggu peniaga berlesen.

Sikap ini tentu tidak adil kerana mereka hendak bermula secara percuta sedangkan peniaga sah bersusah payah memperoleh lesen. Kadang-kadang isu ini hingga boleh menimbulkan pergaduhan dalam kalangan mereka.

Peniaga tidak berlesen mungkin menyangka pihak DBKL tidak tahu dan tidak akan bertindak. Inilah yang berlaku di Jalan TAR baru-baru ini apabila DBKL membuat rondaan sehingga mengejutkan peniaga berkenaan.

Akibatnya, peniaga terlibat lari lintang-pukang membawa barang niaga sebaik melihat

keliatan DBKL. Rupanya sendiri rasa bersalah. Cepat-cepat cuba menyelamatkan diri.

Namun yang tidak wajar pada pandangan kawan-kawan Kedai Kopi ialah mereka yang tidak berpuas hati ini membuat provokasi. Mereka mencabar penguat kuasa untuk berlawan dan mendakwa tidak takut walaupun jumlah mereka tidak ramai.

Kepada para peniaga ini, ingin kawan-kawan Kedai Kopi nasihatkan jangan bertindak seperti samseng sedangkan sendiri yang salah. Teliti kesilapan diri sendiri sebelum melakukan provokasi yang boleh mencecahkan keadaan tidak diingini.

Sebenarnya daripada pemerhatian kawan-kawan Kedai Kopi, penguat kuasa DBKL memang kerap berhadapan dengan pelbagai cabaran ketika menjalankan tugas, bukan sahaja dalam isu bazar Ramadan di Jalan TAR ini.

Ketika menjalankan tugas-tugas lain juga mereka sering menghadapi provokasi daripada pihak yang tidak puas hati. Misalnya dalam membanteras peniaga bukan warga tempatan yang bermula di pasar atau Pasar Borong Kuala Lumpur. Malah sampai ada warga asing ini beranak mencabar DBKL.

Juga sewaktu menjalankan tugas merobohkan struktur yang didirikan secara haram, baik gerai, rumah atau bangunan. Pasti ada bantahan keras daripada mereka yang terlibat sehingga ada

kalanya memerlukan bantuan pihak berkuasa seperti polis.

Yang dikesali terdapat antara mereka yang terlibat ini meminta bantuan orang politik agar DBKL tidak melaksanakan pengukuhan. Pada pandangan kawan-kawan Kedai Kopi, ini tidak harus berlaku. Orang politik tidak harus mencampuri urusan pentadbiran yang tidak ada kena mengena dengan mereka.

Setiap peraturan yang dikenakan, sama ada dalam perniagaan atau binaan bangunan, terdapat pelbagai peraturan yang perlu dipatuhi. Garis panduan ini ditetapkan oleh DBKL untuk memastikan ibu kota sentiasa tersusun dan sempurna.

Jika tidak, semua orang akan berbuat apa yang mereka mahu. Boleh bermula di mana-mana sesuka hati atau membuat bangunan dan rumah menurut kehendak rasa sehingga mencemarkan pemandangan di ibu negara.

Oleh itu adalah tugas DBKL dan penguat kuasa memastikan ini tidak berlaku. Jangan salahkan penguat kuasa atau ajak mereka bergaduh kerana mereka hanya menjalankan tugas. Hormatilah mereka.

Namun kawan-kawan Kedai Kopi berharap piagam penguat kuasa dalam melaksanakan tugas perlu berhemah dan sabar. Jangan provokasi atau mudah termakan provokasi. Sebaliknya laksanakan tugas menurut peraturan ditetapkan.



*Tertakluk pada terma dan syarat, sementara stok masih ada.

Untuk maklumat lanjut, sila layari wctbuddy.com.my

Lorong Haji Taib waktu malam



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

PADA waktu siang keadaannya sama seperti tempat-tempat lain di pusat bandar Kuala Lumpur yang sibuk dengan manusia yang bertali arus. Lorong-lorong sempitnya menjadi laluan kenderaan yang mengelak kesesakan. Kiri dan kanan ada deretan kedai dan berselang-seli dengan hotel murah.

Demikianlah Lorong Haji Taib yang ada beberapa lorong semuanya terletak di tengah-tengah antara dua jalan utama - Jalan Raja Laut dan Jalan Tuanku Abdul Rahman di Chow Kit. Walaupun begitu nama Lorong Haji Taib itu tidak sekadar tempat, akan tetapi manusianya.

Kawasan itu sangat sinonim dengan kehidupan malam di tengah-tengah kota. Malah penuh warna-warni kehidupan yang dibentuk oleh manusia yang mendiaminya. Mereka bergelumang dengan kehidupan yang bukan sahaja mencabar malah tidak terfikir oleh akal yang waras.

Lorong Haji Taib sebuah dunia yang asing dan banyak kisah-kisah manusia yang tidak bertemu dengan jalan pulang. Malah ada yang sengaja tidak mahu pulang ke pangkal jalan sekalipun peluangnya terbuka luas. Hidup adalah pilihan dan mereka membuat pilihan menyebatkan diri dengan hidup yang hanyir dan hitam itu.

Lorong Haji Taib digeruni oleh orang luar kerana sifatnya sebuah kawasan hitam. Tidak sahaja hitam, akan tetapi kawasan merah juga kerana berleluasa pelacuran kelas rendah yang tidak terlawan sejak berdekad yang lalu.

Siapakah Haji Taib yang namanya diabadikan di sebuah kawasan yang begitu teruk moral dan sosialnya? Banyak yang tidak dapat memberikan jawapan, malah tidak tahu pun akan gerangan Haji Taib. Sebaliknya nama Haji Taib itu sendiri menjadi sinikal kerana sikap manusia yang mendiami di lorong-lorong itu.

Haji Taib seorang pemimpin masyarakat Minangkabau yang banyak menyumbang pada pembangunan Kuala Lumpur pada awal abad ke-19. Beliau seorang yang kaya dan sangat berpengaruh. Mempunyai banyak harta seperti rumah dan tanah di Kuala Lumpur, malah turut terlibat secara langsung dalam pembukaan serta pembangunan Kampung Baru.



LORONG Haji Taib sebuah dunia yang asing dan banyak kisah-kisah manusia yang tidak bertemu dengan jalan pulang.

Sebelah petang sekitar semua lorong Haji Taib dipenuhi dengan khemah yang menjual pakaian *bundle*. Di situ lah pusat *bundle* yang terbesar di Kuala Lumpur. Penuh dengan seluar jeans, kasut sukan dan berbagai jenis pakaian lain. Akan tetapi wajah Lorong Haji Taib mulai berubah apabila menjelang mentari terbenam.

Siang telah menyembunyikan wajah Lorong Haji Taib yang sebenarnya. Tidak ada sesuatu yang kelihatan asing atau luar biasa. Perniagaan berjalan seperti biasa termasuk beberapa warung bakso dan gerai teh tarik.

Kemeriahannya petangnya berganti dan berlarutan hingga awal pagi hari berikutnya. Penjaja *bundle* dengan barang perniagaannya, Lorong Haji Taib pun kembali seperti malam-malam sebelumnya - wajah-wajah manusia yang hilang arah.

Itulah wajah sebenar Lorong Haji Taib. Kehidupan malam di situ bukan suatu yang baharu malah sudah berdekad-dekad sebelum itu. Setelah hampir 40 tahun saya menjadi warga Kuala Lumpur, kawasan pelacuran kelas rendah itu tidak pernah berubah.

Di sebalik kemeriahannya jualan pakaian *bundle*, terselit wanita tua dan muda yang mengisi hidup sebagai kupu-kupu malam atau pelacur kelas rendah. Malah banyak juga yang sudah mencapai usia bersara. Akan tetapi terus mengilai tanda sedang mengumpam

“Kehidupan malam di situ bukan suatu yang baharu malah sudah berdekad-dekad sebelum itu. Setelah hampir 40 tahun saya menjadi warga Kuala Lumpur, kawasan pelacuran kelas rendah itu tidak pernah berubah.”

pelanggan ketika berurus niaga.

Di Lorong Haji Taib seperti sudah tidak ada lagi perkiraan dosa dan pahala. Mereka yang memilih untuk hidup bersama hanyir longkang dan gemerlap neon.

Biarpun menjadi suatu yang menakutkan kepada yang baru mengenal Kuala Lumpur, Lorong Haji Taib tidak pernah sunyi pada malamnya.

Sekalipun sudah lama berada di Kuala Lumpur, melintasi kawasan sekitar Lorong Haji Taib tetap terasa asing dan bimbang. Jenayah jalanan seperti ragut, peras ugut dan menyeluk saku membuatkan banyak yang mengelak untuk melintas atau berada di kawasan itu.

Di kaki lima bangunan usang dan di tepi-tepi longkang ada warga yang sudah dibuai mimpi. Para gelandangan menjadikan sekitar Lorong Haji Taib sebagai

pilihan untuk melelapkan mata sementara menunggu matahari esoknya. Ada yang menjadi penagih dadah, akan tetapi ada juga yang tidak mampu menyewa bilik dan hanya di kali lima pilihan yang ada.

Malah bukan satu pemandangan luar biasa apabila hari sudah larut malam, tetapi masih banyak anak-anak yang berkejaran dan bermain dengan rakan sebaya. Dalam kemeriahannya malam, anak-anak yang masih kecil itu juga menjadi sebahagian penghuni tetap Jalan Haji Taib.

Dengan pakaian yang comot, kotor dan tidak terurus, di situ lah alam kehidupan mereka. Ketawa mereka yang belum mengerti apa-apa tentang hidup boleh membuatkan kita menitiskan air mata. Ayah atau ibu mereka adalah sebahagian warga kawasan yang hitam itu.

Saya terharu dan sebak apabila seorang peniaga gerai di situ memberitahu, "Kanak-kanak itu menunggu ibunya pulang dari kerja." Saya faham akan maksud yang dikatakan oleh peniaga gerai itu, akan tetapi tidak punya kuasa untuk menyelamatkan mereka.

Sebenarnya pihak berkuasa tidak pernah lepas tangan dalam menangani kebobrokan sosial dan moral di Lorong Haji Taib. Berbagai-bagai usaha yang berterusan telah dilakukan untuk memutihkan kawasan berkenaan. Akan tetapi hitam yang sudah sebatit itu bukan mudah untuk

diputihkan. Yang 'bekerja' bukan mudah melepaskan kerja mereka.

Salah satu usaha yang harus dipuji adalah mewujudkan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) tidak jauh dari kawasan berkenaan. Bukan sekolah rendah atau menengah, akan tetapi sekolah untuk semua anak-anak pekerja seks atau penagih dadah. Usaha itu sebenarnya sangat murni untuk memastikan pendidikan merentas semua sempadan sosial dalam kalangan rakyat.

Difahamkan lebih separuh daripada anak-anak di sekitar Lorong Haji Taib tidak mempunyai pengenalan diri. Mereka dilahir akan tetapi tidak disambut dengan kasih sayang. Mereka adalah anak-anak yang malang, terpaksa menerima hakikat hidup yang tragis atas kesalahan orang lain.

Maka memulih dan memutihkan sekitar Lorong Haji Taib bukanlah terletak di bahu pihak berkuasa atau badan bukan kerajaan (NGO) semata-mata. Peranan ahli masyarakat seluruhnya sangat diperlukan – setidak-tidak berkata, "Kembalilah ke pangkal jalan".



RANAH PERANTAU RAMADAN

Titian Ramadan mengikat tali rahmat menyantuni kehidupan di hujung waktu terawih tersisa mendengar halwa zikir di rumah indah dambaan pahala tetap utama

Semanguk bubur tatkala berbuka merdu azan fajar dan terbenam himpunan iftar dan moreh tampak mawaddah terbina ukhuwah

Iris mengalir di tubir mata syahdu itu mengusik jiwa hanya bicara bergambar jadi perantara mengang keluarga jauh di mata hikmahmu tiada sempadan

Anak rantau mesra menangisi iftar di masjid mewarnai hari tatkala bubur menyinari kerongkong nikmatMu tiada terhitung tiada sempadan.

AIDA NOR JAMILAH ABDULLAH

8 April 2023

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

Wilayah Ku

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Makanan sedekah jadi sampah

SAYU rasa hati Adi apabila membaca laporan dan melihat gambar makanan yang dikatakan disedekahkan kepada golongan kurang berasib baik, terutama gelandangan, tetapi dibuang di tepi-tepi jalan dan merata-rata tempat lain menjadi sampah. Ini termasuk di Kuala Lumpur khususnya.

Adi percaya ramai orang lain yang berkongsi rasa dengan Adi apabila mendapati makanan yang dihulur dengan maksud baik disiasakan begitu sahaja. Makanan yang diberi seperti tiada nilai sedangkan itu adalah rezeki Allah.

Amalan memberi sedekah pada bulan mulia ini memang dipuji sejak dengan saranan agama Islam agar umatnya memperbanyak amal ibadat dan bersedekah.

Insy-A-Allah, Allah akan memberi ganjaran tinggi di atas amalan ini.

Jadi kenapa makanan yang disedekahkan kepada golongan kurang berasib baik ini dibuang begitu sahaja? Banyak makanan ini masih tidak bersentuh dan dalam terikat elok dalam bungkusan asal. Perbuatan ini bukan sahaja membazir tetapi penghinaan kepada rezeki yang diberi oleh Allah.

Lalu siapakah yang harus disalahkan dalam hal ini? Pemberi atau penerima? Barangkali elok jika kita tinjau senario yang menyebabkan berlakunya gejala ini untuk memahami kenapa ia terjadi.

Punca utama yang boleh dikaitkan dengan pembaziran ini ialah bazar Ramadan yang bertebaran di seluruh pelusuk negara, tidak terkecuali di Kuala Lumpur. Inilah tempat tumpuan orang ramai mencari pelbagai jenis makanan dan minuman untuk berbuka.

Biasanya jualan di bazar ini tidak habis semua, terutama dalam keadaan cuaca tidak elok seperti hujan lebat. Pada waktu seperti ini jualan yang tidak habis melebihi pada hari biasa. Bazar Ramadan juga sepi, hanya deruan air hujan kendengaran.

Kita memang simpati kepada peniaga yang berhadapan ujian



MEMBERI makanan pada penghujung peniagaan setelah tidak laku dianggap tidak ikhlas dan boleh dikira sebagai satu penghinaan.

seperti ini sehingga barang niaga tidak laku. Jika sebuah bazar mempunyai lebihan makanan tertentu, bayangkan berapa banyak jumlah yang tidak habis jika diambil kira jumlah bazar keseluruhannya.

Apa yang berlaku ialah apabila jualan tidak habis menjelang waktu berbuka, para peniaga mengambil jalan mudah dengan memberinya sebagai sedekah kepada orang awam atau ada kalanya masjid dan surau. Itu sahaja cara melupuskan makanan dengan segera.

Namun Adi difahamkan, yang selalu menjadi sasaran ialah kelompok lebih kurang 1,000 orang gelandangan di ibu negara. Tetapi berapa banyakkah yang mampu diambil dan dimakan oleh gelandangan ini berbanding jumlah makanan tidak laku yang lebih banyak?

Tambahan lagi makanan ini

diberi pada penghujung waktu jualan apabila azan Maghrib hampir berkumandang. Ketika itu mungkin gelandangan sudah ada makanan disediakan oleh pihak lain. Diberi pada saat akhir dan ketika sudah ada makanan lain, bagi tidak bererti bagi gelandangan ini.

Mungkin ada juga segelintir mereka mengambil makanan tersebut. Tetapi sebenarnya mereka sendiri tidak memakannya. Akhirnya makanan dibuang atau ditinggalkan begitu sahaja di kaki lima kedai dan di bahu jalan. Hasrat bersedekah menjadi sia-sia.

Selain itu, gejala makanan dibuang juga berpunca daripada restoran-restoran atau hotel yang menyediakan bufet Ramadan. Makanan tidak habis kepada gelandangan. Akibatnya berlakulah lambakan makanan yang akhirnya menjadi sampah.

Lebihan makanan dari bazar Ramadan mungkin kerana sebilangan orang ramai kini lebih berjimat cermat dalam perbelanjaan. Hanya yang perlu sahaja dibeli. Selainnya dimasak sendiri di rumah. Ini juga menjadi punca banyak makanan atau minuman di bazar Ramadan tidak terjual.

Tetapi pada pendapat Adi, peniaga bazar Ramadan mesti lebih peka dan bertindak bijak menjangka kadar jualan berdasarkan senario orang kurang berbelanja. Ini boleh ditentukan setelah beberapa hari berniaga.

Jika menyedari jualan tidak

menggalakkan dan makanan yang disediakan pada jumlah tertentu banyak lebih, maka keesokan harinya buatlah penyesuaian dengan mengurangkan jumlah jualan. Cuba ikuti trend ini sehingga mencapai anggaran jualan munasabah.

Jika tidak habis pun mungkin lebihnya tidak banyak. Oleh itu tidaklah sampai perlu melambakkannya kepada gelandangan seolah-olah mereka mampu menghabiskan walaupun banyak mana makanan yang diberi kepada mereka.

Pada pandangan Adi, jika peniaga benar-benar hendak bersedekah kepada sesiapa juga, sebaik-baiknya lakukanlah pada awal waktu berniaga. Pemberian pasti akan diterima dengan gembira kerana menganggap ia adalah juadah untuk berbuka.

Sebaliknya, memberi pada penghujung peniagaan setelah tidak laku dianggap tidak ikhlas dan boleh dikira sebagai satu penghinaan. Sudah tidak laku baru hendak dilonggarkan kepada orang lain. Yang menerima akan menganggap mereka menerima sis.

Adi berharap ketika Ramadan semakin bergerak ke penghujung ini, umat Islam khususnya jika hendak bersedekah biarlah dengan ikhlas dan niat suci. Pada masa sama, janganlah membazir makanan.

Ingatan ini bukan sahaja kepada peniaga bazar Ramadan, tetapi juga orang perseorangan, pemilik restoran dan hotel yang

menyediakan kemudahan berbuka puasa. Untuk di rumah, berpadapadah membeli atau memasak makanan untuk keluarga.

Restoran dan hotel juga perlu berhemah ketika menyediakan makanan, jangan keterlaluan banyak. Orang ramai yang berbuka di restoran dan hotel pula jangan membazir. Jangan kerana sudah membayar mahal bagi setiap kepala, semua makanan diambil. Akhirnya makanan tidak habis dan menuju tong sampah.

Mungkin ada yang kurang percaya apabila dimaklumkan pada bulan Ramadan ini sisa makanan yang dikutip bertambah setiap hari berbanding pada hari-hari biasa lain. Ini disahkan sendiri oleh Perbadanan Sisa Pepejal Negara (SWCorp).

Pertambahan berdasarkan peningkatan 15 peratus kutipan sisa makanan pada bulan Ramadan. Pada hari biasa, jumlah sisa makanan yang dikutip berjumlah 16,720 tan. Tetapi pada bulan Ramadan jumlahnya meningkat kepada 19,228 tan. Maknanya ada pertambahan 2,508 tan sehari di bulan puasa atau 75,000 tan sepanjang Ramadan.

Ini tentu termasuk makanan buangan dari rumah, restoran atau hotel. Juga termasuk makanan yang yang disedekahkan tetapi dibuang begitu sahaja merata-rata sehingga mengotorkan persekitaran.

Adi teringat kata-kata arwah emak sewaktu kecil dahulu agar jangan membazir makanan, walau sebijik nasi. Perbuatan itu ibarat tidak bersyukur dengan rezeki Allah. Kata emak, makanan yang dibuang itu akan menangis. Kita yang melihat makanan dibuang merata-rata bagi sampah memang pasti akan menangis!

Adi-Ingit pesan mak.

Adi Tahir

Sajak

LUKA SABAN RAMADAN

Sedang kita enak nikmati hidangan moreh di kedai kopitiam mereka terus dizalimi menjadi hidangan di dunia sepi

*Ke mana peduli?
canda yang mati?
pekip yang lali?
waras yang tuli?*

*Atau masih lagi berbaki
zikir tempur murka zionis
baiah abadi
syahadah abdi
sebagai talkin sebelum mati?*

BEN HABIB
Kuala Terengganu.



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Program Teach The Needs 4.0 bantu pelajar kuasai subjek teras

Ibu bapa, peserta isi masa terluang

HAZIRAH HALIM

TNISIATIF Universiti Putra Malaysia (UPM) berkongsi latihan pembelajaran literasi dan Numerasi menerusi Program Teach The Needs 4.0 disambut baik ibu bapa dan pelajar di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Hiliaran Ampang.

Rata-rata ibu bapa mengakui program tersebut dapat meningkatkan kemahiran dan tahap penguasaan anak-anak mereka terhadap subjek teras melalui latihan serta aktiviti yang dijalankan.

Menurut Ramiatun Kasil, 48, ia dapat menggalakkan anak-anak mengisi masa terluang terutama pada hujung minggu di samping meningkatkan keyakinan pelajar untuk mengu-



ROZITA HALIMA



HAZIQ

sai subjek tertentu dengan lebih mudah.

"Saya difahamkan peserta diberi pendedahan tentang kemahiran 3M (membaca, menulis, mengira) yang memfokuskan kepada subjek teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik," katanya kepada Wilayahku.

Bagi **Rozita Halima Mohd Hanafiah**, 45, anaknya Muhammad Syaheed Abdullah, 9, begitu seronok dan tertarik untuk mengikutinya lagi pada masa akan datang.

"Saya lihat Syaheed lebih menguasai kemahiran penulisan dalam Bahasa Inggeris cuma dia agak kurang mahir untuk bercakap. Jadi, saya harap dengan aktiviti dan perkongsian yang diterapkan, ia akan mengasah



EKSEKUTIF kanan PREPKOM YWP, Mohd Farhan Azhari (duduk dua kiri) bersama para peserta dan sukarelawan UPM di PPR Hiliaran Ampang pada Ahad.

semula kelemahan dan sekali gus meningkatkan keyakinannya untuk bertutur," ujarnya.

Sementara itu, sukarelawan UPM bagi program tersebut, **Muhammad**

dilakukan.

"Sedikit mencabar buat kami untuk menguruskan pelajar pada hari pertama kerana mereka agak pasif dan kurang berinteraksi antara satu sama lain terutama ketika melakukan latihan dalam kumpulan namun pada hari seterusnya, mereka semakin kreatif dan selesa untuk belajar dan melakukan aktiviti bersama-sama," ujarnya.

Terdahulu, Program Teach The Needs 4.0 adalah anjuran pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Perubatan, UPM dengan kerjasama Pusat Pemerkasaan Pendidikan dan Komuniti (PREPKOM) yang diadakan sebanyak tiga siri iaitu pada 29 Mac, 2 dan 9 April lalu.

Ia melibatkan penyertaan seramai 30 pelajar sekolah rendah dalam kategori keluarga berpendapatan rendah (B40) di PPR Hiliaran Ampang yang diberi perkongsian skop pembelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. **W.K**

Bank Islam tawar peluang tonton perlawanan akhir Liga Juara UEFA

BANK Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) menawarkan peluang kepada pemegang Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard untuk menyaksikan perlawanan akhir Liga Juara-Juara UEFA di Turkiye menerusi Kempen 'Trip to UEFA 2023'.

Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan-Runcit Bank Islam, **Mizan Masram** berkata pelanggan yang berbelanja dengan menggunakan kad kredit tersebut di sepanjang tempoh kempen layak menerima satu unit kelayakan pada setiap pembelian runcit atau dalam talian yang bermula RM100 dan dua unit kelayakan untuk setiap RM100 yang dibelanjakan di luar negara.

"Hadiyah utama kempen ini terdiri daripada dua tiket menonton perlawanan akhir Liga Juara-Juara UEFA, dua tiket penerbangan pergi-balik ke Turkiye, penginapan mewah selama 4 hari 3 malam dan eluan bernilai USD250.

"Bukan itu sahaja, Bank Islam turut memberikan hadiah sagu hati termasuk barang eksklusif bertemakan UEFA, mata ganjaran TruPoints sehingga 30,000 dan baucar Adidas," ujarnya pada pelancaran kempen tersebut di Menara Bank Islam baru-baru ini.

Dalam pada itu, Mizan menjelaskan pengajuran kempen yang sedang berlangsung pada 1 sehingga 30

April ini bertujuan untuk menghargai sokongan dan kesetiaan pelanggan Bank Islam terhadap produk dan perkhidmatannya selama ini.

"Ia juga dapat menggalakkan penggunaan kaedah pembayaran tanpa tunai, sekali gus memacu penerimaan pembayaran digital di samping menyokong aspirasi negara ke arah pembentukan masyarakat tanpa tunai," tambahnya yang memberitahu senarai pemenang kempen akan diumumkan dalam bulan Mei ini.

Untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai kempen ini, pelanggan boleh melayari laman web www.bankislam.com/ucl23. **W.K**



MIZAN (kanan) bersama Pengurus Negara, Mastercard Malaysia dan Brunei, Beena Pothen pada Majlis Pelancaran Kempen Kredit-i Bank Islam Mastercard 'Trip to UEFA 2023' di Menara Bank Islam baru-baru ini.

Kerja amal sebatи dengan Yayasan Wilayah Persekutuan

TIDAK semua orang sanggup mengabdikan diri melakukan kerja amal demi masyarakat lebih-lebih lagi ia tidak menjanjikan pulangan yang lumayan.

Pun begitu lain pula dengan prinsip yang disemai dalam hati warga Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) yang meletakkan kerja amal membantu rakyat sebagai keutamaan mereka.

Menurut Eksekutif Usahawan Belia Muda YWP, **Wan Noor Hasni Chek Hani**, sejak 10 tahun dia berkhidmat dengan YWP, kerja amal dan syarikat tersebut adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan.

"Antara tujuan utama penubuhan YWP itu sendiri adalah untuk kebaikan dan kebajikan rakyat. Apa jua kesusaahan dan kesukaran yang dihadapi rakyat terutamanya

di Wilayah Persekutuan, itulah menjadi keutamaan.

"Pendek kata, apa yang kami lakukan segalanya untuk masyarakat. Ibaratnya kerja amal ini sudah menjadi 'darah daging' YWP.

"Bukan sahaja di Wilayah Persekutuan, malah YWP turut melakukan kerja amal di luar kawasan seperti bantuan mangsa banjir di Kedah, Selangor dan lain-lain," katanya ketika ditemui Wilayahku.

Hasni juga mengaku sumbangan YWP secara tidak langsung mendidik jiwa pekerja agar sentiasa bersyukur dan peka dengan kesusaahan orang lain.

"Selama saya berkhidmat, YWP menjadikan saya seorang yang prihatin, suka mengambil berat kesusaahan orang lain dan sering muhasabah diri.



HASNI



HASNI (dua dari kanan) bersama artis Ako Mustapha dan Ezlynn dalam misi membantu mangsa banjir di Hulu Langat dan Negeri Sembilan anjuran YWP.

"Boleh dikatakan hari-hari kami berfikir untuk membantu rakyat. Setiap jabatan atau bahagian mempunyai peranan masing-masing namun semuanya menjurus kepada keutamaan rakyat."

"Inilah nilai-nilai murni yang sukar kita dapat di tempat lain. Dalam agama Islam sendiri berpesan, golongan baik adalah mereka yang memberi manfaat kepada orang lain," ujarnya lagi. **W.K**



Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

E-mel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (Wilayahku)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok: [yayasanwp](https://www.facebook.com/yayasanwp)

REALITI KEHIDUPAN

Riau kota

14 - 20 APRIL 2023 Bil 208

Wilayah Ku

Iftar@KL satukan masyarakat tempatan, antarabangsa

PROGRAM Iftar@Kuala Lumpur (Iftar@KL) Panjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Kesenian (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) kembali memeriahkan suasana Jalan Raja, Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 8,9,15 dan 16 April.

Pelaksanaan program yang memasuki kali ke-11 sejak tahun 2012 ini bertujuan untuk mengimarahkan bulan Ramadan sebagai bulan

ibadah di samping merapatkan hubungan silaturahim serta menyemarakkan kebudayaan dan kesenian Islam kepada pelancong tempatan termasuk antarabangsa menerusi Program Pelancongan Budaya (Culture Tourism).

Lebih menarik, Iftar@KL pada tahun ini mengkalkulkan konsep berbuka puasa beramai-ramai dan meskipun baru dua hari pengajuran, ia telah dihadiri oleh ramai pengunjung tempatan dari pelbagai negeri termasuklah pelancong luar negara.

SAMBUNGAN DI MUKA 10





FOTO: ARIFF AZMAN & CHONG WOON SONG (JKPS)
HAZIRAH HALIM

DARI MUKA 9

KEMERIAHAN sambutan Program Iftar@Kuala Lumpur (Iftar@KL) yang dibanjiri ramai pengunjung dalam dan luar negara ternyata telah membuktikan kesatuan ukhuwah silaturahim masyarakat Malaysia bersama-sama dalam mengimarahkan bulan Ramadan dapat dipupuk meskipun berbeza bangsa dan agama.

Ini kerana, penganjuran Program Iftar@KL yang telah bermula sejak tahun 2012 hingga tahun 2014 dengan nama Festival Ramadan pada awal kemunculannya itu berjaya mencatat jumlah kehadiran pengunjung tempatan dan antarabangsa seramai 65,380 orang pada waktu tersebut.

Setelah ia dijenamakan dengan nama Iftar@KL pada tahun 2015, jumlah kehadirannya menunjukkan rekod peningkatan dari tahun tersebut sehingga tahun 2019 dengan kehadiran pengunjung seramai 346,974 orang.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan

program ini terpaksa diteruskan secara atas talian (*online*) menerusi JKKN TV online pada tahun 2021 susulan pandemik COVID-19 yang menyerang seluruh dunia. Sungguhpun begitu, ia mendapat sambutan luar biasa apabila program yang pertama kali dianjurkan secara maya pada 29 dan 30 April itu berjaya meraih 13,925 tontonan dengan nilai wang RM5,265,037,91 dari Malaysia dan negara luar seperti Indonesia, Singapura, Thailand, Amerika Syarikat, Mesir, Australia serta banyak lagi.

Kemudian, ia kembali diadakan secara fizikal pada tahun 2022 yang mana program ini juga berjaya menarik kehadiran orang ramai iaitu 40,939 orang bersamaan PR Value sebanyak RM1,551,258.04 dengan hasil pendapatan *Return Of Investment* (ROI) melalui jualan makanan dan minuman *food truck*, tajaan produk oleh penaja bernilai RM109,873.90.

Justeru itu, bagi mengubati kerinduan para pelancong dan



KHAIRUL FIRDAUS

mengimarahkan lagi bulan Ramadan, JKKN kembali menganjurkan Iftar@KL secara fizikal selama empat hari iaitu pada 8,9,15 dan 16 April ini bertempat di Jalan Raja, Dataran Merdeka, Kuala Lumpur dengan sasaran pengunjung seramai 10,000 orang sepanjang penganjuran program.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, **Khairul Firdaus Akbar Khan** berkata sasaran itu ditetapkan selepas beberapa siri penganjurannya berjaya mendapat sambutan luar biasa daripada seluruh masyarakat Malaysia dan antarabangsa.

"Oleh itu, saya berharap penganjuran Iftar@KL selama empat hari ini akan mendapat sambutan luar biasa bukan sahaja daripada warga Kuala Lumpur dan luar negeri bahkan pelancong asing juga untuk bersama-sama menikmati keunikan iftar berlatarbelakangkan Bangunan Sultan Abdul Samad dan Dataran Merdeka yang penuh bersejarah ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan

program tersebut baru-baru ini. Turut hadir pada majlis itu, Ketua Pengarah JKKN, Mesran Mohd Yusop dan Ketua Setiausaha MOTAC, Datuk Saraya Arbi.

Menurut Khairul Firdaus, selain majlis berbuka puasa antara pengisian menarik yang turut dianjurkan pada tahun ini adalah penyediaan dan pengagihan bubur lambuk, solat berjemaah, tadarus Al-Quran dan tazkirah Ramadan, kaunter zakat, perkhidmatan sukarelawan, jualan makanan *food truck* dan pelbagai lagi.

"Iftar@KL juga turut menyediakan pelbagai kemudahan seperti tandas dan surau untuk warga kota beragama Islam menuaikan solat.

"Menariknya pada tahun ini juga, Iftar@KL mendapat kerjasama beberapa rakan strategik iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Agama Islam Wilayah

Persekutuan (JAWI), Persatuan Seni Budaya Putra dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Manakala, rakan penganjur pula adalah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Kuala Lumpur Food Truck Entrepreneurs Association, Masjid Jamek Kampong Bharu, Jabatan Penerangan Malaysia dan Jabatan Warisan Negara serta rakan penaja antaranya Syarikat Faiza Sdn Bhd, Al-Ikhlas.com dan banyak lagi," ujarnya.

Di kesempatan itu, beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung termasuk rakan strategik, rakan penganjur dan rakan penaja serta para sukarelawan yang telah bertungkus lumus membantu mengagihkan makanan dan membersihkan kawasan sehingga penghujung program.

Sedia perluas Iftar@KL di setiap negeri

BERIKUTAN kejayaan pelaksanaan Iftar@KL pada tahun sebelumnya, MOTAC bersedia mempertimbangkan cadangan memperluaskan penganjuran program itu di setiap negeri.

"Kami sedia maklum bahawa kebanyakan program iftar oleh mana-mana pihak banyak dianjurkan di ibu kota sahaja dan kita dapat lihat setiap tahun, sambutan dan pengisian program ini amat memberangsangkan sehingga dapat menarik kunjungan ramai orang dari luar negeri termasuklah pelancong

asing.

"Setelah mengambil kira pelbagai aspek, kita bersetuju untuk memperluaskan program ini di setiap negeri nanti. Bagaimanapun, ia bergantung kepada kesediaan rakan-rakan strategik untuk bersama-sama menjayakan program."

"Sebelum ia diadakan ke seluruh negeri, kita perlu mengenal pasti kawasan-kawasan yang sesuai diadakan program ini terlebih dahulu agar sambutannya meriah seperti di Kuala Lumpur" katanya.





Sukarelawan pelbagai bangsa bantu sedia juadah iftar



DIANA AMIR

PELBAGAI bangsa bersatu dalam menyediakan juadah berbuka puasa menerusi Program Iftar@KL yang diadakan di Dataran Merdeka baru-baru ini.

Penolong Pengarah Bahagian Pengukuhan Seni Budaya, **Zuhairi Ibrahim** berkata mereka yang terlibat dalam penyediaan makanan sempena Program Iftar@KL merupakan sukarelawan budaya di bawah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) yang terdiri daripada pelajar, yayan luar dan juga orang awam.

"Kita bukan sahaja terdiri daripada Melayu tetapi Cina dan India juga malah ada pelajar dari luar negara turut

sertai aktiviti sukarelawan ini.

"Pada dua hari tempoh penganjuran, 8 dan 9 April lalu ia melibatkan seramai 298 sukarelawan. Jumlah tersebut mungkin bertambah untuk penganjuran seterusnya pada 15 dan 16 April ini," katanya sewaktu ditemui *Wilayahku* di Program Iftar@KL di Dataran Merdeka Ahad lalu.

Berkongsi mengenai tugas sukarelawan budaya ini, Zuhairi berkata mereka bertanggungjawab mengendalikan penyediaan makanan sebelum majlis berbuka.

"Mereka perlu membantu dalam menyediakan tempat seperti membentang tikar di sepanjang laluan di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad ini serta penyusunan makanan termasuk menguruskan aspek kebersihan sebelum dan selepas

program.

"Kebiasaannya mereka akan bermula pada pukul 2 petang sehingga 11 malam namun ada yang dilepaskan awal kerana sesi pembersihan turut dibantu oleh pihak Alam Flora.

"Penyusunan makanan di awal program lebih kritikal kerana kita dapat lihat sukarelawan belum sempat melakukan persediaan iftar, orang awam sudah mula berkerumun di kawasan tempat duduk," ujarnya setiap sukarelawan tidak memperoleh sebarang bayaran melainkan segulung sijil.

Tambahnya, meskipun tidak



ZUHAIRI

menawarkan sebarang bayaran namun penyertaan yang diterima sangat luar biasa sehingga terpaksa meletakkan syarat terhad kepada 200 orang sahaja.

"Kami harapkan di masa akan datang, tugas sukarelawan budaya ini dapat diperluaskan dan tidak terhad kepada Program Iftar@KL sahaja.

"Di peringkat negeri terdapat pelbagai program di bawah JKKN di mana di situ juga kita boleh gerakkan sukarelawan budaya ini.

"Dengan cara ini ia juga dapat mendedahkan kepada masyarakat tentang program anjuran JKKN ini yang mana kita tidak tertumpu kepada aktiviti seni tari sahaja malah turut

mengadakan syarahan perdana dan sebagainya," jelasnya dalam masa yang sama aktiviti sukarelawan ini dapat memupuk budaya adab sopan dalam kalangan belia kini.

Dalam pada itu, Zuhairi turut melahirkan rasa syukur dan terima kasih kepada mereka yang terlibat sepanjang Program Iftar@KL berlangsung pada tahun ini.

"Saya mewakili pihak JKKN mengucapkan ribuan terima kasih kepada sukarelawan terlibat. Ia bukanlah satu kerja mudah di mana ada yang terpaksa berjemur serta berhujan untuk menjayakan program ini."

"Terima kasih juga diucapkan kepada individu dan pihak korporat yang terlibat secara langsung dan tidak langsung," katanya. WK

SAYA dan adik-beradik datang daripada Shah Alam, ingatkan berpeluanglah untuk berbuka puasa beramai-ramai dekat Dataran Merdeka hari ini (Sabtu) tapi disebabkan hujan, jadi kami berbuka di parkir kereta aras bawah (*basement*) sahaja. Tak sangka pula di sini pun ramai orang dan sungguhpun suasana berbeza tetapi saya masih dapat rasa suasana iftar bersama seluruh masyarakat Malaysia."

NUR ADILA ROSMAN, 24
Pengunjung

BUAT mereka yang bekerja atau sedang berjalan-jalan di sekitar Jalan TAR ini, Iftar@KL adalah lokasi menarik untuk pengunjung berbuka puasa kerana bukan sahaja konsepnya yang menyeronokkan bahkan pihak penganjur juga turut menyediakan makanan seperti bubur lambuk, nasi ayam goreng kunyit dan jualan makanan di *food truck* untuk orang ramai membeli. Jadi pengunjung tidak perlu risau soal itu tambahan juga ia turut dilengkapi kemudahan surau dan tandas bergerak untuk menuaikan solat. Justeru itu, saya harap

program ini mendapat sambutan ramai dan diteruskan pada tahun seterusnya."

FAHMI, 43
Pengunjung

SAYA berminat untuk menimba pengalaman baharu dan melihat suasana umat Islam berpuasa dan disebabkan itulah saya mewakilkan diri menjadi sukarelawan bagi Program Iftar@KL ini. Bagi saya ia sangat menyeronokkan sebab saya sendiri berpeluang mengajikan makanan, membersihkan kawasan selain dapat menanti waktu berbuka puasa bersama rakan-rakan muslim yang lain.

NISHALNY MOHANA DASS, 15,
Sukarelawan
Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bintang Utara

MESKIPUN sudah enam tahun menetap di Malaysia namun ini adalah kali pertama saya melihat program seperti ini dan amat



NUR ADILA



FAHMI



NISHALNY



SARAH



SUHIER

teruja sekali apabila saya turut berpeluang menjadi sebahagian sukarelawan untuk membantu mengendalikan Program Iftar@KL. Alhamdulillah, setakat ini saya sangat seronok bila dapat belajar sesuatu yang baharu dan ini juga bagus menambah info-info menarik tentang penglibatan saya di dalam resume nanti."

SARAH NAYED, 19
Sukarelawan Palestin
Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Biomedikal, Universiti Malaya

SAYA sangat gembira apabila dapat menjadi sukarelawan bagi pelaksanaan program ini. Selain itu, cuaca yang tidak menentu pada setiap waktu petang bukanlah penghalang untuk kami terus membantu pihak penganjur menyediakan makanan, beramah mesra dengan masyarakat di samping menguruskan aspek kebersihan. *Insyah-Allah* sekiranya ada lagi, sudah pasti saya akan turut serta."

SUHIER MAI, 19
Sukarelawan Palestin
Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Mikrobiologi dan Molekul Genetik, Universiti Malaya





PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (tengah) bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub (kanan) dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali (tiga kanan) mengunjungi Bazar Ramadan Putrajaya 2023 di Presint 3 sempena pelancaran Jualan Agro Rahmah. Turut sama ialah Ketua Pengarah JWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud. Foto: Faris Azmi / PPj



SEBANYAK 10,000 bekas bubur lambuk diedarkan pada Program Bubur Lambuk Komuniti Putrajaya Sempena Sambutan Bulan Ramadan 2023/1444H bertempat di Kompleks Kejurran Presint 9, Putrajaya pada 8 April lalu. Program turut dimeriahkan dengan kehadiran Ketua Pengarah JWP, Datuk Seri Rosida Jaafar diiringi Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud.



Tiada guna berubah awal jika gagal istiqamah

PENYANYI popular Salamiah Hassan mengakui keputusannya untuk berhijab pada akhir Mac lalu di usia 72 tahun adalah hasil dorongan arwah suaminya, Allahyarham Gerald Hughes atau Gerry.

Menurut pelantun lagu Menghitung Hari itu, dia yang gemar mewarnakan rambut masih teringat pesanan arwah suami agar berhijab.

"Alasan diberi, ia ibarat serampang dua mata kerana selain tidak perlu terlalu kerap mewarnakan rambut, ia sekali gus dapat menutup aurat."

"Pada mulanya, saya agak skeptikal dan buat endah kata-katanya namun selepas pemergiannya, barulah saya sedar akan kebenarannya."

"Dengan pesanan ditinggalkan, ditambah perasaan sudah bersedia untuk berhijab, jadi saya lakukannya tanpa perlu ada rasa ragu-ragu," katanya.

Tambah Salamiah, berhijab di usia sekarang bukanlah pelik kerana ia adalah keputusan daripada hati yang ikhlas tanpa desakan.

Apa yang penting baginya adalah keikhlasan menjalankan tanggungjawab sebagai muslimah.

"Tiada guna berubah awal, namun akhirnya

gagal untuk istiqamah hanya kerana belum bersedia sepenuhnya," ujarnya.

Salamiah mendirikan rumah tangga dengan jejak berasal dari Liverpool itu pada 1 September tahun lalu dalam satu majlis sederhana di Burnie, Tasmania.

Salamiah juga baru sahaja menerima anugerah dari The BrandLaureate sebagai pengiktirafan atas sumbangannya dalam bidang seni.



SALAMIAH HASSAN

DEEL ANJER

Ayda Jebat jatuh cinta di Taiwan

PENYANYI Ayda Jebat

melaukan rasa bertuah apabila Biro Pelancongan Taiwan telah melantiknya sebagai Duta Salam Taiwan untuk tahun 2023.

Menurut Ayda atau nama sebenarnya Nursuhada Jebat, 31, dia percaya ini adalah rezeki anaknya Ana Nayla.

Dalam masa yang sama, pelantikan ini juga membuat dia mengubah persepsi dirinya yang merasakan Taiwan bukan sebuah destinasi pilihan sebelum ini.

"Saya sangat gembira kerana telah terpilih sebagai Duta Salam Taiwan. Sebelum ini, saya tidak pernah terfikir untuk melancong ke Taiwan, kerana Taiwan adalah sebuah negara yang terlalu asing bagi saya."

"Tapi kesudahannya, saya telah jatuh cinta sebaik sahaja menjelajah ke sebahagian besar Taiwan beberapa bulan lalu."

Baik dari segi kemesraan warga Taiwan, keindahan, keseronokan membeli-belah hingga ke pelbagai pilihan makanan halal yang lazat dan mudah untuk dinikmati," katanya.

Ayda juga mengaku tidak sukar untuk mendapatkan makanan halal di Taiwan.

"Sepanjang tempoh saya



AYDA JEBAT

Shiha, Ieda Zikir berjaya pujuk ibu

PENYANYI Shiha Zikir akui bukan mudah untuk memujuk ibunya Rohana Ibrahim, terlibat dalam video muzik terbarunya Jom Balik Raya nyanyian bersama kakaknya, Ieda Zikir.

Namun, demi memenuhi permintaan anak, Rohana akhirnya bersetuju untuk berlakon dalam video muzik lagu raya itu.

"Alhamdulillah, memang tak mudah nak pujuk mak. Setelah pujuk banyak kali, saya teruja sangat bila mak cakap setuju."

"Iyalah dari dulu lagi, mak sentiasa bersama saya ke mana pun ada persembahan. Namun, dia memang tak mahu terlibat, hanya menyokong dari belakang."

"Namun, untuk lagu Jom Balik Raya ini saya berduet dengan kakak Ieda Zikir, jadi kami terus ajak mak masuk sekali dalam video muzik."

"Selama ini doa mak yang mengiringi kehidupan dan kerjaya saya, siapalah Shiha Zikir ini tanpa doa mak. Jadi, penglibatan mak dalam video muzik ini adalah kenangan indah sepanjang saya jadi penyanyi," ujarnya.

Shiha ditemui pada Majlis Iftar Anjuran PRIHATIN Bersama Media yang turut disokong oleh syarikatnya Shiha Zikir Empire, di Courtyard by Marriot Hotel, Setia Alam, pada Ahad lalu.

Dalam majlis tersebut turut dilancarkan lagu dan video muzik Jom Balik Raya kerjasama dengan Yayasan Prihatin Nasional atau PRIHATIN.

"Shiha lagi seronok apabila PRIHATIN juga bersetuju membantu dalam penghasilan video

klip ini, anda boleh tonton dan dengar lagu Jom Balik Raya untuk rasa sendiri semangat tak sabar pulang ke kampung" ujarnya.

Ketua Pegawai Eksekutif PRIHATIN, Datuk Mohd Aizuddin Ghazali berkata pihaknya sentiasa menyokong usaha murni mana-mana pihak yang sudi berkerjasama dalam apa jua program.

"Shiha Zikir merupakan antara selebriti yang selalu bersama menyokong malah turun padang membantu program kemasyarakatan bersama PRIHATIN, jadi apabila diberitahu dia akan merakamkan sebuah lagu raya untuk tahun ini, maka kami berbesar hati untuk berkolaborasi."

"PRIHATIN berkolaborasi dalam bentuk tenaga kerja dan dalam masa sama, kami turut mempromosi yayasan ini sebagai sebuah pihak dalam membantu bukan sahaja para pelajar dan asnaf yang memerlukan tetapi juga kepada masyarakat luar bandar selari tema video lagu raya ini yang mengajak orang ramai pulang beraya ke kampung" jelasnya yang mengajak orang ramai menonton video muzik Jom Balik Raya di saluran YouTube," ujarnya.

Turut hadir pada majlis itu, penyanyi nombor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza dan suami Datuk Seri Khalid Mohd Jiwa Tengku Datuk Kamarul Zaman Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar, Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah PRIHATIN, Tan Sri Ir Dr. Sahol Hamid Abu Bakar, Pengerusi KOPENA, Datuk Abdul Malik Abdullah serta rakan-rakan strategik lain.



berada di sini, banyak yang saya pelajari tentang Taiwan. Tak sangka sebenarnya banyak yang boleh dilihat dan dilakukan. Ada di antara tarikannya setanding dengan yang ada di negara Eropah.

"Selain itu, saya juga kagum dengan pilihan makanan halal yang ada. Untuk mendapatkan makanan halal, tidaklah sesukar yang dibayangkan."

"Anda silap jika beranggapan pilihan makanan yang ada di Taiwan hanyalah makanan eksotik. Selain makanan jalanan yang mesra muslim, nasi beriaani pun ada," ujar Ayda teruja.

Manakala wakil Biro Pelancongan Taiwan, Abe Chou mempunyai alasan tersendiri memilih Ayda Jebat sebagai duta Kempen Salam Taiwan.

"Ayda mudah diajak bekerja. Kami percaya dia mempunyai kuasa pengaruh. Lebih penting lagi, Taiwan adalah sebuah negara yang romantis. Ayda baru sahaja berkahwin tidak lama dahulu dan kami fikir dia akan suka merasai sifat romantis Taiwan."

"Kami sangat gembira untuk memiliki sebagaimana duta Salam Taiwan kami. Tetapi jangan risau, kami tidak akan mengambil Ayda daripada anda. Dia akan tetap berada di Malaysia," katanya berseloroh. **W.K**

Selamat Hari Raya Aidilfitri

1444 H | 2023 M

SELAMAT Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga Wilayah Persekutuan. Sambutlah Aidilfitri dengan penuh kegembiraan, keinsafan dan semoga hari raya kali ini membawa seribu rahmat buat kita semua.

Maaf Zahir & Batin. Ikhlas daripada saya serta seluruh warga kerja jabatan dan agensi.

DATUK SERI ROSIDA JAAFAR

Ketua Pengarah
Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP)



RAMADAN dirindui, Syawal dirai. Moga lebaran ini membawa ceria dan bahagia buat semua. Mengukuh ukhuwah sesama kita dalam suasana penuh harmoni.

Setulus ikhlas daripada saya serta seluruh warga kerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Selamat Hari Raya Aidilfitri.

DATUK TPr SULAIMAN MOHAMED

Pengarah Eksekutif Perancangan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)



SAYA dan seluruh warga kerja Perbadanan Labuan mengucapkan salam Aidilfitri kepada komuniti Wilayah Persekutuan khususnya warga Labuan.

Dalam kerendahan hati, ada ketinggian budi.
Dalam kemiskinan harta, ada kekayaan jiwa.
Dalam kelembutan lidah, ada keterlanjuran kata.
Dalam gurau dan senda, tentu ada khilaf dan dosa.

Mohon Maaf Zahir dan Batin.

RITHUAN MOHD ISMAIL

Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan



DALAM kemeriahannya menyambut lebaran, janganlah kita lupa untuk menuaikan tanggungjawab sebagai pemilik harta tanah bagi membayar cukai tanah/petak khususnya di Wilayah Persekutuan.

Dengan rasa rendah diri dan penuh kesyukuran, saya mewakili warga Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Dan Batin.

MOHD FIRDAUS IBARUSLAN

Timbalan Pengarah (Sektor Pendaftaran Tanah)
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan



SAYA mewakili warga Perbadanan Putrajaya mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga Putrajaya yang beragama Islam.

Semoga Aidilfitri kali ini memberikan keriangan kepada kita semua dan semoga amalan di sepanjang Ramadan yang diterima oleh Allah SWT.

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

DATUK TPr FADLUN MAK UJUD

Presiden
Perbadanan Putrajaya (PPj)



DI kesempatan ini saya mewakili seluruh kakitangan Yayasan Wilayah Persekutuan dan anak-anak syarikat ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh umat Islam.

Setelah sebulan kita menahan rasa lapar dan dahaga, semoga Syawal kali ini memberi peringatan kepada kita semua untuk senantiasa bersyukur dalam apa jua nikmat yang telah diberikan dan semoga kita semua mendapat inspirasi untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan dan kurang berkemampuan.

ABDUL RAHMAN SIRAJ

Pengarah Eksekutif, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP)



SAYA dan seluruh warga Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh umat Islam di Malaysia khususnya warga Kampung Bharu.

Semoga dipermudahkan perjalanan dan selamat sampai kepada yang pulang ke kampung dan destinasi yang dituju. Satu syawal menjelang, takbir bergema menggegar jiwa, sekiranya ada salah silap dan dosa, ampun dipinta di hari mulia.

DATUK TPr LOKMAN OMAR

Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu



INDAHNYA langit kerana awan,
Indahnya laut kerana kebiruan,
Indahnya Ramadan kerana keinsafan,
Indahnya Syawal kerana kemaafan.

Kami warga Majlis Sukan Wilayah Persekutuan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri 1444H. Maaf Zahir dan Batin.

NABILAH ZAKARIA

Timbalan Pengarah
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP)



Cita Rasa Klasik PICC imbau kenangan di desa



FOTO: SYUQQREE DAIN
SABRINA SABRE

BERTEMAKAN 'Cita Rasa Klasik,' Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) buat julung kalinya menyediakan pakej berbuka puasa dengan lebih 200 hidangan tradisi dan warisan Melayu bermula 25 Mac sehingga 19 April 2023.

Menurut Sous-chef Bufet Ramadan PICC, **Cef Abdul Talib Taha**, 51, hidangan menu klasik Melayu ini merupakan kegemaran ramai serta mampu menjadi tarikan utama buat mereka yang menggemari masakan tradisional dan sekali gus mengimbau kenangan berbuka di kampung halaman.

"Tema 'Cita Rasa Klasik' ini diketengahkan kerana setiap kali menjelang Ramadan, pasti ramai warga kota yang mahu berbuka dengan menu-menu kampung ataupun desa.

"Dalam masa sama, PICC mahu

mengajak pengunjung untuk datang ke sini dan rasai sendiri keistimewaan masakan kami selain mengubati kerinduan makanan dan suasana kampung memandangkan masing-masing terpaksa berpuasa di bandar atas tuntutan kerja," ujarnya ketika ditemui *Wilayahku* baru-baru ini.

Cef Abdul Talib memberitahu harga RM49 untuk kanak-kanak dan warga emas manakala RM98 bagi dewasa yang ditawarkan pihak PICC adalah berbaloi kerana para pengunjung boleh menikmati pelbagai aneka hidangan tempatan serta barat yang pastinya memukau selera.

"Antara menu utama yang bakal mencuri tumpuan dan wajib untuk dicuba oleh para pengunjung adalah rendang tok, rendang itik, rendang kambing, itik kerutuk, kambing golek berserta dua pilihan sos *homemade* (sos mint dan lada hitam) serta banyak lagi.

"Bukan itu sahaja, pengunjung juga boleh menikmati pelbagai jenis kuih

tradisional, buah-buahan segar, aneka pemanis mulut dan aneka minum yang disediakan," ujar beliau yang gembira apabila ramai pelanggan dan pengunjung berpuas hati dengan sajian ditawarkan pihaknya.

Lebih istimewa, beliau memaklumkan tetamu yang hadir akan diserikan dengan nyanyian daripada bekas peserta Akademi Fantasia, Rosma AF1 sambil menjamu selera.

"Lagu-lagu yang dimainkan adalah klasik sesuai dengan tema yang diketengahkan," tambahnya PICC juga menyediakan perkhidmatan katering dan Pakej Rumah Terbuka Hari Raya buat mereka yang berminat.

PELBAGAI KEMUDAHAN DISEDIAKAN

DALAM pada itu, Cef Abdul Talib berkata kaunter zakat fitrah turut dibuka di PICC khusus buat mereka yang ingin lakukan pembayaran.

"Selain itu, kita menyediakan booth

mainan untuk kanak-kanak yang datang bersama ibu bapa mereka," ujar beliau PICC boleh memuatkan sehingga 1,500 orang dalam satu masa selain mempunyai banyak kemudahan antaranya parkir yang strategik dan luas, ruang makan yang luas serta

surau berhawa dingin. Untuk maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, orang ramai boleh hubungi di talian **03-8887 6000** dan **013-529 9496** atau layari media sosial Facebook dan Instagram **@putrajayacateringservices**.



info
Alamat:
PICC
Presint 5, 62000 Putrajaya
Nombor telefon:
03-8887 6000
013-529 9496
Facebook & Instagram:
@putrajayacateringservices
E-mel:
enquiry@picc.com.my

Memperkasakan taaruf, tafahum dan tasamuh dalam masyarakat Madani di Malaysia



DR MOHD ANUAR RAMLI

MASYARAKAT majmuk yang terbentuk di Malaysia melalui sejarah yang panjang. Ia merupakan ciri keunikan tempatan kerana kejayaan menghasilkan miniatur Asia yang mempunyai komposisi pelbagai bangsa utama Asia seperti Melayu, Cina dan India. Takdir sejarah ini perlu diterima dan diperkasakan dari semasa ke semasa. Ini disebabkan unsur agama dan kaum menjadi pemacu utama konflik dalam sesebuah negara. Perpaduan yang dipupuk selama ini akan menjadi abu berterbangan jika api keagamaan dan perkauman terus ditüp sepanjang masa. Pihak yang menjadi provokator perlu dibasmi dari masyarakat kerana ia menjadi agen perpecahan dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

Pada asasnya, umat manusia berasal dari keturunan Nabi Adam dan Hawa, kemudiannya berkembang biak sehingga terbentuknya keragaman bangsa dan etnik di samping berbagai keyakinan agama. Keragaman ciptaan ini adalah sunnatullah yang perlu dihadapi dengan kematangan. Malah, tujuan penciptaan ini selari dengan firman Allah SWT, dalam surah al-Hujurat, ayat 13 yang bermaksud:

Wahai umat manusia!
Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah

menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

Berdasarkan ayat di atas, hikmah di sebalik kepelbagaian ini adalah supaya mereka saling kenal-mengenal di antara satu sama lain (taaruf). Ini disebabkan atas hubungan manusia adalah perdamaian, bukan konflik kerana mereka makhluk sosial yang madani. Ia bermakna tiada seorang pun manusia yang mampu hidup sendiri. Mereka juga makhluk yang hidup bermasyarakat dan beradab. Dengan itu, setiap manusia berpotensi untuk berkomunikasi, berinteraksi dan bersosial dengan manusia lain dalam tataran kesopanan dan kesantunan sosial yang diatur dalam masyarakat.

Dalam masa yang sama, manusia juga makhluk homo festivus iaitu makhluk yang menyukai sambutan perayaan, festival, pesta dan keramaian. Dengan itu mereka melaksanakan pelbagai amalan, upacara dan ritual bagi menikmati sambutan yang diadakan serta manifestasi rasa keberagamaan dan kebersamaan. Ia juga adalah selaras dengan kepercayaan, pegangan dan pantang larang masing-masing. Tidak kurang juga, wujudnya unsur peminjaman budaya antara satu sama lain. Jelasnya, di sinilah perlunya kepada usaha tafahum,

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya).

iaitu saling faham memahami bagi mewujudkan persefahaman dan ikatan di antara satu sama lain.

Dalam meraikan sambutan perayaan dalam masyarakat majmuk di Malaysia, dapat dilihat keraian yang penuh warna-warni. Ia melibatkan sambutan yang berbentuk keagamaan dan tradisi budaya. Di antara bentuk sambutan ini adalah pembakaran mercun dan main meriam buluh ketika malam perayaan. Pada masa ini aktiviti pembakaran mercun melibatkan hampir semua perayaan utama di Malaysia. Umpamanya, perayaan Aidilfitri dan Aidiladha oleh orang Melayu, sambutan Tahun Baru Cina, Phai Thien Kong dan Chap Goh Mei oleh orang Cina, Deepavali oleh orang India dan Krismas oleh penganut Kristian.

Selain itu, terdapat juga sambutan yang melibatkan perarakan di jalan dan rumah ibadat. Umpamanya sambutan Maal Hijrah dan Maulidur Rasul oleh orang Islam, perayaan Sembilan Maharaja Dewa oleh penganut Taoisme, perarakan kavadi ketika sambutan Thaipusam oleh penganut Hindu dan perarakan

lilin ketika Festival St. Anne oleh penganut Kristian Katolik.

Tindakan pembakaran mercun dan perarakan keagamaan ini boleh menimbulkan ketegangan antara kaum dan agama sekiranya tidak ada tolak ansur antara tiap penganut agama. Di sinilah pentingnya pendekatan tasamuh, iaitu saling bertoleransi dalam kehidupan umat beragama. Setiap pihak perlu memainkan peranan dalam membentuk budaya toleransi dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Selaras dengan itu, setiap pihak tidak boleh melampaui batasan dan undang-undang negara. Sikap ekstrem boleh menjelaskan keharmonian bersama.

Sebagai bangsa beragama, setiap pihak tidak boleh memaki dan menghina sembahana serta perayaan pihak yang lain. Ini disebabkan tindakan ini boleh mengundang ketegangan sosial, mencetuskan konflik dan menambah jurang perpecahan dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Dalam surah al-An'am, ayat 108, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Dan janganlah kamu cerca

benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencera Allah secara melampau batas dengan ketidaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperlakukan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan mereka kalah tempat kembali mereka, lalu la menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan.

Berdasarkan ayat di atas, umat Islam dilarang untuk mencaci sembah agama lain kerana ia boleh menyebabkan reaksi pihak lain yang akan mencaci agama umat Islam. Larangan tegas ini bertujuan untuk menjaga keamanan sosial dalam kalangan umat beragama. Namun begitu, perlu digaris bahawa larangan ini tidak membawa kepada keredhaan dengan perkara yang bertentangan dengan syarak. Sebaliknya, ia adalah batasan toleransi dalam kehidupan bersama.

Sehubungan dengan itu, proses membina bangsa Malaysia yang madani atau beradab merupakan usaha kolektif setiap pihak dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Pendekatan taaruf, tafahum dan tasamuh merupakan komponen penting yang perlu disuburkan dalam interaksi makhluk sosial bagi mewujudkan kelestarian dan keharmonian bersama untuk membentuk bangsa Malaysia Madani yang bersatu padu.

PENULIS merupakan Profesor Madya di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan boleh dihubungi di mohdanuar@um.edu.my.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE		26cm X 33cm	RM7,500
HALF PAGE		26cm X 17cm	RM5,500
QUARTER PAGE		12cm X 17cm	RM4,500
PANEL PAGE [INNER]		26cm X 6cm	RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1080px X 96px RM2,500
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px RM2,000
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px RM1,500
	HALF PAGE 350px X 500px RM1,000

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLY HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya



PM umum usaha perkukuh komuniti PA dan perluas Program K2K di Lembah Klang

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah melancarkan Program Kita-Untuk-Kita (K2K) pada 8 April lalu, sebuah inisiatif di bawah Belanjawan 2023 yang bertujuan untuk meningkatkan daya huni Perumahan Awam (PA).

Program K2K bertujuan untuk memangkin sokongan terhadap komuniti awam PA dan pengurusan bangunan bagi menangani cabaran sosial, ekonomi dan fizikal melalui empat cabang kritisik iaitu pemerkasaan komuniti, pengurusan bersama komuniti, menambah baik penjanaan pendapatan serta reformasi polisi yang akan dimulakan di Kuala Lumpur dan diperluaskan ke Selangor.

Program pelancaran ini turut dihadiri oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Akmal Nasrullah Mohd Nasir; Pengurus Jawatankuasa Tetap Perumahan & Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan, Rodziah Ismail; Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Haris Kasim; Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Shah Alam, Dr Nor Fuad Ahmad; wakil-wakil daripada agensi-agensi tempatan, yayasan, persatuan-persatuan dan komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Baru Hicom, Shah Alam.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata inisiatif yang digerakkan oleh pihak Think City dapat membantu komuniti dalam mendepani cabaran COVID-19.

"Saya amat teruja melihat inisiatif-inisiatif yang digerakkan oleh Think City dalam membantu komuniti mendepani cabaran COVID-19. Usaha-usaha ini telah berubah menjadi sesuatu yang lebih besar dan berpanjangan dengan sokongan daripada sektor swasta dan organisasi yang bukan berdasarkan keuntungan."

"Program K2K ternyata dapat menempuh ujian masa dengan memperkasa komuniti

melalui pemberdayaan ketua-ketua komuniti. Ini ialah satu contoh usaha Kerajaan Negeri Selangor terus komited dalam mengubah persepsi PA yang dahulunya dipandang rendah dan tidak diingini ke arah mewujudkan persekitaran bukan sahaja menawarkan perumahan mampu milik berdaya huni kepada rakyat tetapi juga supaya mereka dapat hidup secara bermaruah," katanya.

Manakala Pengarah Urusan Think City, Hamdan Abdul Majid berkata selaras dengan Malaysia Madani, pelancaran Program K2K menekankan sebuah matlamat bersama dalam mencapai hasil yang lebih saksama dan responsif kepada keperluan dan aspirasi komuniti.

"Dalam kita mengusahakan inisiatif-inisiatif pada masa terdekat ini, kami berharap untuk membentuk sebuah haluan yang demokratik dan berdaya tahan berdasarkan kepercayaan dengan komuniti perumahan awam, jaringan serta rakan usaha sama untuk melaksanakan program-program yang komprehensif dan berkesan.

"Usaha-usaha ini juga selari dengan strategi syarikat induk kami, Khazanah iaitu Advancing Malaysia untuk menyumbang kepada nilai sosial dan ekonomi yang memberikan impak kepada rakyat Malaysia," jelasnya.

Tambahnya, Program K2K ini akan diterajui oleh ketua komuniti dan organisasi berdasarkan komuniti, disokong oleh Think City melalui kolaborasi dengan rakan usaha sama dan badan bukan kerajaan (NGO). Program ini juga turut diperkuuhkan oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan yang merangkumi pemegang-pemegang taruh awam dan swasta bagi menyegerakan koordinasi dan pelaksanaan senada dengan semangat Malaysia Madani sekali gus memanfaatkan komuniti perumahan tempatan.

Berkongsi pengalaman terhadap cabaran kehidupan sebenar komuniti PA, Setiausaha Persatuan Komuniti PPR, Perwacom Prihatin,

Noor Hayati Ismail berkata Perwacom diwujudkan semasa tempoh pandemik untuk membantu komuniti menyelesaikan isu dengan segera dan mengurangkan tekanan persekitaran yang tinggi akibat sekatan pergerakan dan lain-lain cabaran.

"Momentum yang wujud telah membolehkan mereka membina perhubungan dengan komuniti dan menjalankan program berdasarkan pembangunan dengan sokongan rakan organisasi lain.

"Mereka menekankan bahawa mereka tidak mahu menjadi sebuah komuniti yang hanya mengharapkan bantuan daripada kerajaan tetapi mengharapkan sokongan di mana bolehkan mereka membina masa depan lebih baik di hari tua dan masa depan anak-anak mereka.

"Sebuah pendekatan komprehensif diperlukan dalam mengubah PA daripada jerat kemiskinan kepada sebuah tempat yang makmur dan perlu bersama-sama memperbaharui PA selari dengan perubahan persekitaran kehidupan urban serta aspirasi generasi muda," katanya. PA adalah kediaman bagi anak-anak kita untuk mengimpikan kehidupan yang lebih baik buat mereka serta generasi seterusnya.

Sejak sedekad yang lalu, Think City sebagai sebuah organisasi impak untuk menjadikan bandar-bandar lebih mesra rakyat, berdaya tahan dan berdaya huni telah melaksanakan usaha menambah baik bandar-bandar Malaysia merentasi semua komuniti urban terutamanya komuniti rentan.

Think City telah menjalankan program penyelidikan dan intervensi di PA dan komuniti tempatan di Malaysia bermula dengan komuniti perumahan di George Town, Pulau Pinang dan sejak itu ia telah berkembang kepada projek PA di Kuala Lumpur dan Selangor.

Think City menguruskan geran dan

“Program K2K ini akan diterajui oleh ketua komuniti dan organisasi berdasarkan komuniti, disokong oleh Think City melalui kolaborasi dengan rakan usaha sama dan badan bukan kerajaan (NGO). Program ini juga turut diperkuuhkan oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan yang merangkumi pemegang-pemegang taruh awam dan swasta bagi menyegerakan koordinasi dan pelaksanaan senada dengan semangat Malaysia Madani sekali gus memanfaatkan komuniti perumahan tempatan.”

pinjaman serta menjalankan kajian dan intervensi awal di kawasan perumahan tersebut bersama-sama komuniti tempatan, pihak berkuasa tempatan, organisasi tempatan dan antarabangsa, institusi pendidikan serta pihak swasta.

Antara inisiatif Think City yang telah dilaksanakan dengan jayanya adalah hasil kerjasama dengan rakan usaha sama seperti CIMB Foundation, Citi Foundation, Yayasan Hasanah, MARA, Teach for Malaysia, Persatuan Karyawan, Universiti Malaya, PNSB dan World Bank, yang melibatkan penyertaan lebih daripada 80,000 orang. Untuk maklumat lanjut mengenai Program K2K, sila layari www.thinkcity.com.my/r2c.

PAMULA agih 500 bubur lambuk



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

PERSATUAN Anak Muda Labuan (PAMULA) mengadakan gotong-royong memasak bubur lambuk bertempat di Balai Raya Kampung Sungai Bangat, baru-baru ini.

Seramai 45 Ahli Jawatan Kuasa (AJK) PAMULA, Skuad Sukarelawan YADIM Labuan serta penduduk Kampung Sungai Bangat bekerjasama menyediakan masakan bubur lambuk.

Sebanyak 500 paket bubur lambuk berjaya disiapkan dan edaran dibuat pada pukul 3 petang kepada penduduk Kampung Sungai Bangat, para asnaf dan anggota keselamatan di beberapa institusi sekitar Labuan.

Menurut Pengarah Program, **Hilmawan Halim**, objektif program adalah untuk mengeratkan hubungan antara ahli PAMULA dengan masyarakat setempat.

Selain itu, ia bertujuan untuk berkongsi rezeki dengan orang ramai khususnya di bulan Ramadan pada tahun ini.

Hilmawan berkata kerjasama



AJK pelaksana bergambar sejurus selesai Program Agihan Bubur Lambuk, baru-baru ini.

erat di antara PAMULA yang diketuai oleh Presidennya, Shafiq Zainol; Pengurus Skuad Sukarelawan (YADIM) Labuan, Che Mohd Faizal Che Mad; Pengurus Kumpulan Rukun Tetangga (KRT), Mahaini Ismail dan Pengurus Surau Mubarakah, Ismail Mohamad serta penduduk Kampung Sungai Bangat ini telah memberi impak yang

sangat baik kepada masyarakat di Pulau Bebas Cukai ini.

"Program ini telah banyak menerima respons yang positif daripada orang ramai dan semoga ia dapat diteruskan pada masa yang akan datang agar anak muda lebih aktif dengan aktiviti kemasyarakatan," katanya.

Dalam pada itu, Hilmawan turut

merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli PAMULA dan pihak lain yang bekerjasama menjayakan program murni tersebut.

"Kami berharap menerusi program tersebut, hubungan baik antara PAMULA dengan masyarakat setempat akan berkekalan demi kesejahteraan dan perpaduan serta

silaturahim.

"Ini juga merupakan ruang dan peluang untuk golongan muda mendekati masyarakat," katanya.

Tambahnya, menerusi program tersebut, kerjasama erat dapat dijalankan antara PAMULA dengan Skuad Sukarelawan YADIM Labuan dan penduduk Kampung Sungai Bangat. **WK**

Keyfield Offshore santuni 35 keluarga asnaf

SYARIKAT Keyfield Offshore Sdn Bhd menyantuni 35 buah keluarga yang terdiri daripada golongan asnaf bersempena bulan Ramadan dan persiapan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Menurut wakil syarikat itu, **Rosetina Duli**, sumbangan itu adalah salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) tahunan syarikat itu bagi membantu golongan asnaf di pulau tersebut.

"Syarikat saya iaitu Rossa Bumi Enterprise mewakili pihak Keyfield Offshore telah memperuntukkan sebanyak RM8,000 untuk disalurkan kepada golongan asnaf di sini.

"Bagi sesi ini, sebanyak 35 buah keluarga asnaf akan menerima bantuan dan kami berharap sumbangan tersebut dapat meringankan beban dan menceriakan mereka," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Asnaf di Perumahan Taman Mutiara di sini, baru-baru ini.

Pada majlis itu, setiap asnaf yang dipilih daripada kawasan Taman Perumahan Bedaun dan sekitarnya menerima wang tunai serta barang keperluan asas berupa beras, minyak masak, gula dan telur. **WK**



SAHIRON (dua kiri) mewakili Keyfield Offshore menyampaikan sumbangan kepada salah seorang asnaf, baru-baru ini.

Derita nelayan asnaf berakhir, MAIWP hulur bantuan enjin baharu

DERITA seorang nelayan yang hilang punca pendapatan hampir setahun susulan enjin bot miliknya rosak, kini berakhir apabila menerima sebuah enjin baharu daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), baru-baru ini.

Mustapa Kassim, 61, menyifatkan bantuan yang disalurkan oleh MAIWP itu bagaikan memberi nafas baharu dalam kehidupannya setelah menempuh kesulitan hidup untuk mencari rezeki bagi menampung keluarganya.

Katanya, dia bersyukur dan berterima kasih kepada MAIWP dan pembayar zakat yang begitu prihatin kepada golongan asnaf seperti ini.

"Alhamdulillah, saya amat terharu dengan bantuan enjin baharu yang diberikan oleh MAIWP dan selepas ini saya dan keluarga dapat meneruskan kehidupan seperti dahulu," katanya ketika ditemui pemberita di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Unit Pembangunan Asnaf MAIWP Labuan, Mohd Syukur Norfini berkata enjin bernilai RM8,650 adalah




MUSTAPA (dua kanan) menerima bantuan enjin baharu menerusi Skim Bantuan Perikanan MAIWP yang diserahkan oleh Mohd Syukur (kiri).

sebahagian daripada RM160,000 yang diperuntukkan di bawah Skim Bantuan Perikanan MAIWP.

Katanya, bantuan tersebut disalurkan bagi bertujuan untuk membantu meningkatkan semula ekonomi golongan asnaf khususnya nelayan ke arah yang lebih produktif.

"Kita (MAIWP) berharap bantuan ini dapat meringankan beban Mustapa yang telah terjejas pendapatan hampir satu tahun dan sudah tentunya kita berharap dia menjadi seorang nelayan lebih produktif," katanya. **WK**

PERADUAN MEWARNA PM208



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM208".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **25 APRIL 2023**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 210.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA
SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA
CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA
YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN




KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 206

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM206:

DHIYA ERDINA ESRON
(8 tahun)
Presint 5, Putrajaya

FARIS HAQIMI MOHD NAZRI
(11 tahun)
Paya Jaras, Selangor

NUR MYRA MEDINA MUSTAPHA
(7 tahun)
Bandar Permaisuri, Kuala Lumpur




Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK206:


FARAHLYANA NASIP @ SALIM
(28 tahun)
Wilayah Persekutuan Labuan

ABDUL HALIM MOKHTAR
(53 tahun)
Danau Kota, Kuala Lumpur

MOHD FIRDAUS ABDULLAH
(32 tahun)
Kota Warisan, Selangor



TEKA SILANG KATA SK208



MELINTANG

1. Peti kayu dihias kulit kerang
5. Ukuran berat
6. Hampir sama
7. Rempuh
9. Sains kajian keturunan

KE BAWAH

1. Butiran senarai lengkap mengikut abjad
2. Skala yang sangat kecil
3. Jumlah dalam keputusan peperiksaan
4. Seni yang tiada rupa bentuk jelas
8. Ikan besar

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK208".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **25 APRIL 2023**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 210.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL
SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA
CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA
YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



BaKaT CiLiK



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:
wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

Special Deals !




TOURISM
MALAYSIA®



Niche Packages

2023

In conjunction with
Tourism Malaysia's
50th Anniversary



Scan Me

For More Information, Please Visit
www.malaysia.travel





SABRINA SABRE

BERSEMPENA sambutan bulan Ramadan 1444 Hijrah, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) mengambil inisiatif menganjurkan Program Bubur Lambuk Wilayah Persekutuan 2023 pada 8 April lalu bertempat di Kompleks Kejiranan Presint 9, Putrajaya.

Menurut Pengarah Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan PPj, **Mohd Ali Jusoh**, sebanyak 10,000 pek bubur lambuk diedarkan pihaknya kepada komuniti setempat dan surau yang terdapat di sekitar Putrajaya.

"Program yang merupakan sebahagian daripada acara di bawah kalender Program Bulan Ramadan Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya Tahun 2023 ini adalah bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama semua pihak yang terlibat secara langsung."

"Selain itu, ia juga dilaksana untuk mengeratkan ukhuwah di antara warga PPj bersama komuniti Putrajaya," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Mohd Ali berkata program dengan kerjasama komuniti Putrajaya itu diadakan secara bergotong-royong bermula pada pukul 9 pagi dengan melibatkan seramai 380 orang peserta.

"Peserta yang terlibat menerusi program ini adalah terdiri daripada

10,000 pek bubur lambuk untuk komuniti Putrajaya

30 Persatuan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya, KRISPUTRA PPj; PUSPANITA PPj; Kelab Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj; Persatuan Warga Emas Putrajaya (PERWEP); Pusat Aktiviti Warga Emas Putrajaya (PAWE); Kelab Anak Muda Perdana serta warga PPj.

"Alhamdulillah, dengan kerjasama semua kami berjaya memasak sebanyak 20 buah periuk bubur lambuk yang mana kita dapat menghasilkan 10,000 pek juadah untuk diedarkan kepada orang ramai."

"Terima kasih kepada semua yang berhempas-pulas membanting tulang dalam menjayakan program ini. Diharap sumbangan ini dapat mengeratkan lagi ukhuwah yang terjalin selama ini bersama komuniti dan penduduk sekitar Putrajaya."

"Tanpa sokongan daripada semua pihak, agak sukar untuk acara ini berlangsung. Semoga Allah membala ganjaran kepada mereka yang melakukan amal kebaikan ini," tambahnya kerja memasak diketuai oleh Roslan Ab Rahman selaku Ketua Chef yang juga merupakan pemenang Pertandingan Memasak Bubur



FADLUN (berdiri, tengah) bersama mereka yang terlibat dalam Program Bubur Lambuk Wilayah Persekutuan 2023.

Lambuk 2023 Kategori Hotel Dan Restoran anjuran Menara Kuala Lumpur.

Turut hadir memeriahkan program tersebut adalah Ketua Pengarah Jabatan Wilayah

Persekutuan (JWP), Datuk Seri Rosida Jaafar dan Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud. **WK**

TPS, tujuh agensi kongsi rezeki bersama pengguna pengangkutan awam

DIANA AMIR

TERMINAL Putrajaya Sentral (TPS) mengadakan Program Bubur Lambuk bagi berkongsi rezeki bersama pengguna pengangkutan awam di sekitar Putrajaya Sentral baru-baru ini.

Pengarah Program Bubur Lambuk Putrajaya Sentral, **Muhammad Syafiq Zahar** berkata program tersebut bermula pukul 10 pagi dengan acara memasak bubur lambuk manakala edaran dilakukan pada pukul 6 petang di beberapa tempat sekitar Putrajaya Sentral.

"Kita masak sebanyak dua periuk bersamaan dengan 400 bungkus manakala selebihnya kita

membuat tempahan dari luar. Jumlah edaran adalah sebanyak 1,400 pek bubur lambuk buat pengguna TPS yang bertuah."

"Selain pengguna, kita juga berkongsi rezeki bersama peniaga, penyewa serta pekerja di sekitar kawasan terminal kerana kita mahu semua orang dapat merasai keenakan bubur yang disediakan ini," ujarnya ia melibatkan lebih kurang 50 petugas daripada kesemua agensi.

Muhammad Syafiq berkata antara kelainan



MUHAMMAD SYAFIQ



RAHIDAYU

pada program ini adalah ia menggabungkan semua agensi yang terlibat dalam operasi pengangkutan awam di Putrajaya Sentral.

"Gotong-royong memasak bubur lambuk ini melibatkan pihak Perbadanan Putrajaya (PPj), MRT Corp, Pulse Group, MMC-Gamuda, rapidrail, KLIA Transit, antena dan Smart Interpark daripada pihak atasan sehingga peringkat bawahan."

"Selain dapat berkongsi rezeki, program ini juga dapat merapatkan ukhuwah dan mewujudkan kerjasama baik di antara agensi-agensi terlibat," katanya sewaktu ditemui *Wilayahku*.

Tambahnya, pihak TPS akan berusaha untuk mengawal trafik serta memastikan keselamatan dan keselamatan yang terbaik kepada pengguna terutama di musim perayaan ini.

Dalam pada itu, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Trafik, **Rahidayu Abdul Rased** berkata ia merupakan program julung kali diadakan selepas tempoh pandemik.

"Objektif program adalah untuk mencari kerjasama antara

pemegang taruh di terminal dan diharapkan ia hanyalah permulaan di mana selepas ini akan lebih banyak program diadakan dalam menaikkan lagi nama TPS sebagai hab pengangkutan awam di Putrajaya."

"PPj akan sentiasa menyokong segala inisiatif Pulse Group

serta program-program yang direncanakan dan mengharapkan selepas ini lebih ramai orang awam menggunakan fasiliti di sini," ujarnya TPS juga sedang menjalankan satu projek naik taraf demi memberi keselesaan kepada pengguna dan dijangka siap pada hujung tahun ini. **WK**



ANTARA peserta yang terlibat dalam Program Lambuk Putrajaya Sentral.



JABATAN PERDAWA MENTERI

**Tarikh Lihat Anak Bulan Syawal
Khamis, 20 April 2023**
bersamaan 29 Ramadan 1444H

Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja



Utamakan harapan ibu bapa

Irfan fokus sukan dan akademik

SABRINA SABRE

BIARPUN sudah sebatи dalam sukan petanque sejak kecil, namun atlet Wilayah Persekutuan, **Muhammad Irfan Daniel Md Sham**, 19, enggan mempertaruhkan masa hadapan demi sukan semata-mata.

Malah dia sedar, tanggungjawab yang dipikul sebagai seorang atlet, pelajar serta anak perlu dilunaskan untuk memastikan keputusan yang diraih cemerlang dalam setiap bidang diceburi.

"Saya mestilah bijak membahagikan masa antara pelajaran dan latihan kerana walaupun bergelar atlet sepenuh masa, pencapaian akademik juga perlu diberi perhatian yang serius."

"Ibu bapa meletakkan harapan tinggi terhadap kejayaan saya dalam bidang akademik. Jadi saya tidak mahu menghamparkan mereka dan berjanji untuk melakukan yang terbaik dalam bidang sukan dan akademik," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Bercerita lanjut tentang peng-



AKSI Irfan Daniel ketika Kejohanan SUKMA XX MSN 2022.

libatannya, anak bongsu daripada dua orang adik-beradik ini berkata dia melihat sukan petanque mempunyai keistimewaan tersendiri selain memerlukan strategi dan teknik permainan yang baik.

"Permainan ini memerlukan fokus yang tinggi agar bola asimetri yang dilerek berhenti hampir

dengan bola 'jack' bagi mendapatkan mata. Tanpa kekuatan mental, seseorang itu tidak mampu menjadi pemain terbaik."

"Selain daripada merancang strategi permainan, sukan ini juga mengajar kita cara menenangkan minda. Selalunya pemain akan cepat gelabah jika bola tidak

menghampiri sasaran yang dituju. Seharusnya kita perlu tenang untuk memastikan percubaan seterusnya berjaya," tambahnya.

Menanam impian untuk beraksi pada Sukan Southeast Asian Games (SEA), atlet kelahiran Kuala Lumpur ini berkata dia berhasrat mencuba sehabis baik untuk

Sukan SEA 2023 Kemboja: Semua kemudahan, venue sudah sedia

KEMBOJA yakin semua kemudahan dan venuenya telah bersedia untuk menjadi tuan rumah Sukan SEA 2023 di Phnom Penh bermula 5-17 Mei.

Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Duta Khas Jawatankuasa Kebangsaan Pengajur Sukan SEA Kemboja (CAMSOC), **Hor Sarun** berkata ia termasuk perkampungan sukan yang boleh menempatkan hampir 10,000 atlet bagi temasya dwitahunan itu.

"Semuanya baik. Kami telah bersedia dan merasa bangga untuk menganjurkan Sukan SEA 2023," katanya kepada pemberita selepas Larian Obor Temasya Sukan SEA ke-32, di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Sarun mempelawa rakyat Malaysia berkunjung ke negara itu untuk menyokong semua atlet di rantau ini memandangkan tiket bagi rakyat tempatan dan asing adalah percutma seperti yang diumumkan Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen baru-baru ini.

Beliau berkata Malaysia adalah negara kelima menjadi tuan rumah larian obor itu dan selepas ini

ia akan menuju ke Singapura selepas dibawa dari Vietnam, Filipina, Indonesia dan Timor Leste sejak 21 Mac lepas.

Terdahulu, turut hadir Duta Besar Kemboja ke Malaysia Ouk Chandara; Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh dan Timbalan Presiden Majlis Olimpik Malaysia, Datuk Hamidin Mohd Amin.

Sementara itu, Hannah yang menyertai acara larian obor bersama 250 peserta sebelum itu, melahirkan keyakinan persiapan Kemboja sebagai tuan rumah berjalan lancar sebelum penganjuran temasya sukan itu buat pertama kalinya, bulan depan.

"Larian obor hari ini adalah simbolik kerana kami mengalu-alukan kedatangan delegasi Kemboja di Putrajaya," katanya.

- BERNAMA



HANNAH (tengah) sejurus simbolik Larian Obor Temasya Sukan SEA ke-32.

Pencapaian Irfan Daniel

2022 - Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN - Tempat ketiga

2022 - Kejohanan Petanque Double Antarabangsa Johor - 16 terbaik

2022 - Kejohanan Petanque Berkumpulan - Tempat ketiga

mencipta nama di dalam negara terlebih dahulu.

"Saya memasang impian untuk beraksi di Sukan SEA sebelum umur 23 tahun. Diharap apa yang diinginkan tercapai dalam tempoh tersebut," ujarnya yang menjadikan atlet petanque Malaysia, Ayzeck Hakimi Safingan sebagai idola.

Sedang mengikuti pengajian bidang sains komputer di Kolej Matrikulasi Selangor, atlet muda ini juga berhasrat untuk bergelar sebagai seorang jurutera perisian suatu hari nanti.

"Biarpun sudah bekerja nanti, saya tetap akan terus bersukan kerana ia sudah sebatи dalam jiwa ini," ujarnya lagi. WK

YTTF bakal dilancarkan di Selangor dan KL

GERAKAN Bakat Muda Olahraga atau Young Talent Track & Field (YTTF) bakal dilancarkan di peringkat negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada Mei ini.

Menurut Pengerusi Majlis Hash Malaysia, **Rajinder Agnihotri**, ia bakal dilancarkan dengan sokongan daripada pihak dan Persatuan Kelab PJ.

"YTTF akan dilancarkan pada 7 Mei ini bertempat di Padang Timur, Petaling Jaya pada pukul 8.30 pagi dan dirasmikan oleh Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh.

"Turut diadakan Larian Run For Young Talent 2023 pada majlis pelancaran tersebut," katanya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya, YTTF merupakan Program Akademik latihan olahraga yang dibuka kepada pelajar berumur 12 tahun ke bawah.


"Latihan akan dijalankan pada setiap hari Sabtu dan Ahad bermula pukul 8 sehingga 9.30 pagi. Pendaftaran dan latihan adalah secara percuma."

"YTTF ditubuhkan untuk menarik dan membangunkan bakat olahraga (trek dan balapan) dalam kalangan kanak-kanak seawal usia enam tahun termasuk kategori para atlet," ujarnya.

Rajinder berkata sehingga kini YTTF hanya dijalankan di Perak di mana ia telah ditubuhkan dan akan diperluaskan ke

negeri-negeri lain pada masa akan datang.

"Ia didukung dan dijayakan oleh penggemar sukan olahraga yang terdiri daripada jurulatih bertauliah, ikon-ikon olahraga negara yang telah mengharumkan nama negara hingga ke peringkat Olimpik, pihak pengurusan berpengalaman serta sokongan ibu bapa," katanya. WK



WE CANNOT DO IT WITHOUT YOU



Irfan fokus
sukan dan
akademik

►23

KWSP nafi dakwaan hadapi krisis tunai

KUMPULAN Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menafikan dakwaan mendakwa pihaknya menghadapi krisis tunai serta ketidakcukupan wang untuk membayar pengeluaran pra-persaraan seperti yang disebarluaskan di WhatsApp.

Jabatan Hal Ehwal Korporat KWSP memaklumkan, badan itu sentiasa mengekalkan kecairan yang mencukupi untuk memenuhi semua komitmennya.

"Segala aktiviti jual beli aset luar negara adalah sebahagian daripada operasi pelaburan KWSP mengikut alokasi aset strategiknya dan bukan untuk membayar pengeluaran pra-persaraan."

"Malah, terdapat peningkatan yang stabil dalam keseluruhan pelaburan asing KWSP sejak beberapa tahun lalu walaupun semasa berlakunya krisis COVID-19."

"Selain itu, KWSP juga menyangkal spekulasi Akta KWSP 1991 akan dipindah untuk menghalang pesara daripada mengeluarkan simpanan mereka," katanya dalam



kenyataan pada Rabu.

Menurutnya, spekulasi itu merujuk kepada rencana akhbar *Business Times* Singapura bertarikh 7 April 2023 dan bertajuk 'Bank Negara says Malaysians could run out of savings 19 years too soon'.

"Apa yang diketengahkan Bank Negara Malaysia (BNM) di dalam laporannya ialah situasi yang membimbangkan bagi pesara disebabkan isu struktur seperti gaji yang rendah yang sememangnya wujud sebelum pandemik melanda."

"Simpanan median untuk kumpulan umur 51 hingga 55 tahun hanya akan bertahan lima tahun selepas pengeluaran pada umur 55 tahun dan ia menurun kepada sekitar tiga tahun selepas pengeluaran berkaitan pandemik."

"Laporan itu selanjutnya menyatakan rata-rata rakyat Malaysia akan menghadapi risiko kehabisan simpanan persaraan mereka 19 tahun sebelum kematian dengan jangka hayat global meningkat kepada 77 tahun ke atas menjelang 2050,"

katanya.

Jelasnya, golongan milenial dalam lingkungan umur 26 hingga 40 tahun berkemungkinan menghadapi cabaran kewangan yang ketara kerana ramai menghadapi kesukaran untuk memenuhi had Simpanan Asas KWSP sebanyak RM240,000.

"Situasi ini boleh menjelaskan potensi peluang peningkatan simpanan sehingga RM94,000 apabila mereka bersara pada usia 60 tahun seterusnya menjadikan mereka antara kumpulan demografi yang paling terkesan."

"Pengeluaran khas berkaitan pandemik juga menyebabkan pengurangan ketara dalam jumlah simpanan persaraan ahli," katanya.

Menurutnya, sehingga Mac 2023, sebanyak 70.5 peratus daripada 7.2 juta ahli sektor formal aktif berumur 18 hingga 55 tahun tidak memenuhi had Simpanan Asas KWSP mengikut umur.

"Sebanyak 3.1 juta atau 39 peratus ahli yang membuat pengeluaran khas dan berumur di bawah 55 tahun setakat Januari 2023 masih belum mula membina semula simpanan mereka. WK

YBR bantu 200 asnaf di Padang Besar

PRIHATIN kepada golongan yang kurang berasib baik, Yayasan Bank Rakyat (YBR) menganjurkan Program Pemberian Bakul Makanan kepada 200 buah keluarga asnaf sempena bulan Ramadan di sekitar Perlis yang merupakan usaha menyantuni golongan asnaf.

Pengurus Besar YBR, **Syaiful Rizal Abdul Ghani** berkata program tersebut merupakan acara tahunan pihaknya dalam menyalurkan sumbangan kepada golongan yang memerlukan di seluruh negara serta berkongsi rezeki seperti yang diunjurkan oleh Rasulullah SAW.

"Untuk program di Perlis, kami menjalankan kerjasama dengan Pengurus Gerakan Belia 4B Malaysia Kawasan Padang Besar, Rizal Ismail bagi memudahkan edaran sumbangan dilakukan."

"YBR amat menitikberatkan golongan yang memerlukan bantuan terutama anak yatim, asnaf serta gelandangan yang kurang mendapat perhatian daripada masyarakat luar dan YBR akan sentiasa berusaha untuk memperbaikkan lagi bantuan-bantuan lain bagi meringankan beban mereka

yang kurang berasib baik," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Program Pemberian Bakul Makanan kepada keluarga asnaf sempena bulan Ramadan di sekitar Perlis ini melibatkan peruntukan setiap keluarga sebanyak RM150 melibatkan perbelanjaan kira-kira

RM30,000.

Sementara itu, Rizal menzahirkan kesyukuran kerana pihak YBR memilih golongan asnaf di kawasan Padang Besar untuk disantuni dan meraikan mereka terutama menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri. WK



SYAIFUL (kiri) bersama Khairul (kanan) menyantuni seorang warga emas semasa kunjungan YBR sempena Program Pemberian Bakul Makanan di Perlis baru-baru ini.

"Saya layan saja komen Aliff Syukri, jangan ambil serius"- Siti Nurhaliza

"IA hanyalah gurauan dan saya pun melayan saja (komen) Datuk Aliff Syukri tu," jelas penyanyi kesayangan ramai, **Datuk Seri Siti Nurhaliza** berhubung isu 'penyanyi nomor satu' usahawan Datuk Seri Aliff Syukri di Instagram baru-baru ini.

Dalam masa yang sama, Siti juga berharap para peminat memahami dan tidak mengambil serius isu tersebut.

"Janganlah. Kita (saya dan Aliff) bergurau-gurau begitulah. Janganlah ambil ia serius."

"Saya maklum peminat saya pun faham sebenarnya apa yang kita guraukan ini. Jadi cool dan chill sahaja lah," katanya.

Ditanya mengenai penghargaan yang tidak putus-putus diterima daripada peminat, Siti bersyukur atas apresiasi yang diterima.

"Saya sebenarnya bersyukur sebab peminat masih menghargai saya. Harapnya biarlah ia kekal bila mana orang hargai dengan sesuatu perkara yang baik, positif."

"Kalaupun tak mahulah orang ingat saya dengan perkara yang sebaliknya. Mana yang baik tu, *Alhamdulillah*. Semoga begitulah untuk yang seterusnya. Doa yang baik-baik saja," tambahnya lagi. WK



SITI

ALIFF